

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 29 Jamadilakhir 1439/17 Mac 2018****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi).

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL.,

Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari

ini iaitu hari yang kesepuluh, Sabtu, 29 Jamadilakhir 1439 bersamaan 17 Mac 2018 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad.(Imam Jame' Asr Hassanah Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Ahli-Ahli Yang Berhormat الْحَمْدُ لِلَّهِ
Segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya jua, maka pada pagi ini kita dapat lagi bersama-sama berkumpul untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Balas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَلَامًا مَوْلَانَا مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan yang kita adakan pada pagi ini yang merupakan memasuki hari kesepuluh. Di hadapan kita masih lagi ada perkara-perkara yang perlu dielesaikan terutama sekali Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019. Seperti lazimnya sebelum kita menyambung semula untuk meneliti dan membincangkan dengan Rang Undang-Undang tersebut di Peringkat Jawatankuasa kita akan lebih dahulu

menyelesaikan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Soalan Yang telah Diberi Notis bilangan 25 daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari dan Soalan yang Diberi Notis bilangan 26 daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Maka disebabkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mempunyai komitmen rasmi yang lain pada pagi ini maka Soalan Yang Telah Diberi Notis bilangan 25 dan 26 itu kita tangguhkan dahulu untuk dijawab secara lisan dan insya-Allah akan dijawab oleh Menteri yang berkenaan pada hari yang lain nanti.

Sekarang, kita terus sahaja berpindah kepada Soalan yang Diberi Notis selanjutnya iaitu kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut bilangan 27 daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ perancangan Pembinaan Jambatan Penghubung antara Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong, sedang rancang dilaksanakan. Dengan siapnya jambatan ini nanti Daerah Temburong akan lebih pesat lagi membangun dan merencanakan lagi pertumbuhan perekonomian daerah ini dari yang sedia ada. Oleh sebab pembelanjaan untuk membina jambatan ini sangatlah besar. Kaola ingin tahu:

1. Apakah orang ramai yang menggunakan jambatan ini akan dikenakan tol apabila ia sudah siap dan digunakan nanti?; dan
2. Sama ada penduduk-penduduk di Daerah Temburong akan dibebaskan daripada membayar tol seperti mana juga halnya penduduk-penduduk Kampung Sungai Teraban di Daerah Belait yang dikecualikan daripada membayar tol apabila mereka menggunakan Jalan Rasau. Sekian terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Perhubungan:

اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu di atas soalan yang dikemukakan itu. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

Bagi menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu itu tadi. Kaola tidak akan mengongsikan sebarang ketetapan mengenainya dan termasuklah sebarang tarikh-tarikh. Walau bagaimanapun izinkan kaola memberi sedikit penjelasan mengenai usaha-usaha yang sedang dijalankan yang berhubung kait dengan perkara ini:

1. Soalan sama ada tol akan dikenakan atau tidak, adalah satu perkara dasar besar yang memerlukan penelitian dan perbincangan berterusan secara holistik dan terperinci dan ini memerlukan pendekatan secara *whole of nation*. Pendekatan ini mengambil kira beberapa aspek penting. Iaitu dari perspektif, infrastruktur, sosial dan ekonomi Negara Brunei Darussalam; dan
2. Begitu juga sama ada penduduk di Daerah Temburong akan dibebaskan daripada bayaran tol. Sama juga hal perkara ini memang memerlukan pendekatan dasar oleh berbagai-bagai pihak yang berkepentingan. Dalam hal ini Kementerian Perhubungan dengan kerjasama Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian antara lainnya sedang meneliti semula dasar secara bermesyuarah dan konsultasi dengan beberapa pihak berkepentingan, seperti agensi-agensi kerajaan yang berkenaan

sektor swasta, peringkat akar umbi dan khususnya orang awam serta para penduduk tempat yang berkenaan.

Usaha ini termasuklah juga dengan membuat rujukan kepada satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kebangsaan Cadangan Projek Jambatan Temburong bahawa jawatankuasa ini sedang giat mengendalikan pelaksanaan pembinaan jambatan tersebut buat masa ini. Apa jua sebarang sokongan ketetapan mengenai keperluan tol akan diselaraskan sebaik-baiknya dengan jangka masa apabila siapnya jambatan ini nanti.

Sekian yang kaola dapat sampaikan dan diucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Kita penuh berharap bahawa Yang Berhormat Ahli Yang Dilantik dari Daerah Temburong akan bersabar menunggu keputusan mengenai perkara ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas jawapan lisan bagi Soalan Yang Telah Diberi Notis iaitu Soalan bilangan 27.

Saya kira oleh sebab kita tidak ada soalan-soalan lain dalam senarai kita, maka perbincangan ini perlulah kita alihkan kepada soalan-soalan lain.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita akan berpindah ke perkara seterusnya iaitu bagi kita menyambung semula

meneliti dan membincangkan Rang Undang-Undang Yang Bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sehingga ke hari ini kita telah menyelesaikan dan meluluskan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancang, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pembangunan.

Walau bagaimanapun, kita masih lagi ada 3 buah kementerian dan Tajuk Kemajuan yang perlu kita teliti dan seterusnya untuk kita luluskan. Maka bagi membolehkan menyambung perbincangan untuk meneliti Rang Undang-Undang ini satu per satu saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis ini bersidang bagi menimbangkan Tajuk-Tajuk dalam Jadual Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah

dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Ke II pada petang hari Khamis yang lepas kita telah meluluskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama, maka kita sekarang berpindah pula ke Tajuk seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli

Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum saya memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan mukadimahnyanya mengenai hala tuju perkara-perkara penting yang perlu di *highlight*nya mengenai Belanjawan Kementeriannya.

Maka saya ingin memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang suka untuk memberikan beberapa keterangan lanjut berhubung beberapa perkara yang telah ditimbulkan pada hari Khamis, bila kita membincangkan Tajuk Belanjawan Kementerian berkenaan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola ingin mengambil kesempatan membuat sedikit penjelasan ataupun

lanjutan dari penjelasan yang telah diberikan yang telah kaola berikan merespons kepada setengah-setengah soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat:

1. Berhubung dengan peperiksaan SSRU (Sijil Sekolah Rendah Pelajaran Ugama) supaya dibukakan kepada calon *private*. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin dan seorang lagi daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari supaya SSRU itu cara pengambilannya dibuat seperti peperiksaan *Brunei Cambridge GCE 'O' level* iaitu apabila gagal satu pelajaran atau dua diulang setakat pelajaran yang gagal bukan keseluruhannya. Mengenai yang pertama itu akan diteliti iaitu peperiksaan pelajaran agama di bawah sindiket Lembaga Peperiksaan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Lembaga Peperiksaan ini akan meneliti cadangan itu dan memang cadangan yang baik.

Mudah-mudahan akan berhasil kepada satu kesimpulan sebagaimana yang dihajatkan oleh Yang Berhormat. Mengenai mengambil semula mata pelajaran yang gagal sahaja itu, sebenarnya penelitian sudah pun dibuat dan kesimpulan-kesimpulan tertentu masih lagi dalam pertimbangan dan penelitian lanjut pihak kementerian Yang Berhormat Pengerusi;

2. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari menimbulkan masalah barang-barang makanan yang dipasarkan yang didapati keraguan dari segi hukumnya. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari membentangkan hukumnya, apabila kita ragu maka keraguan itu membawa kepada jatuh kepada haram.

Itu tidak payah saya mengulas. Yang akan saya ingin jelaskan Yang Berhormat Pengerusi ialah berhubung apakah perlu atau tindakan ke atas barang makanan yang dipasarkan itu didapati yang meragukan dan ada satu istilah yang disebut oleh Yang Berhormat ialah *certificate* atau label ataupun sijil tiruan.

Jadi kurang jelas. Kalau sijil tiruan itu berhubung sijil yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam di bawah undang-undang yang ada pada masa ini sebarang sijil ataupun tanda-tanda yang menunjukkan halal bukan Brunei Halal bukan daripada Majlis Ugama Islam jadi maknanya palsu, maka di bawah undang-undang yang ada pada masa ini merupakan satu kesalahan. Kesalahan yang boleh membawa hukuman denda sebanyak \$8,000. Langkahnya ialah:

- i. Menasihatkan supaya barang itu ditarik balik; dan

- ii. Kalau terjadi lagi diambil tindakan undang-undang seperti yang kaola nyatakan tadi. Adapun kalau sijil ataupun label itu tiruan mengatakan halal dari negara-negara lain, itu di luar bidang kita Yang Berhormat Pengerusi. Kita tidak dapat mengawasi. Apa yang dapat dibuat jikalau ada keraguan baik dari *complaint* orang ramai ataupun dari pihak penguasa ada keraguan, langkah yang dibuat ialah mengasingkannya.

Langkah yang ada pada masa ini mengasingkan barang itu sementara diambil contohnya dan dihantar ke makmal untuk menentukan sama ada ia mengandungi barang-barang yang diragukan. Jika ia didapati barang-barang yang diragukan maka dinasihatkan ia ditarik balik. Kalau ia juga diteruskan maka ia menjadi satu kesalahan.

Itulah kedudukannya. Bukan maknanya tidak ada usaha pada masa ini. Jadi Yang Berhormat menyebut ialah memperkasakan. Dua hari yang lalu kaola bersetuju supaya diperkasakan pihak berkenaan iaitu pihak penguasa mengenai halal ini untuk bekerja lebih keras dan sebagainya dan melihat bilangan mereka jika tidak mencukupi Yang Berhormat menyokong supaya ditambah dan kaola mengalu-alukan, insya-Allah kalau ada kemampuan untuk menambah akan dilakukan penambahan kerana memang ada keperluan sedemikian.

Berhubung dengan masjid daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Dalam jawapan awal kaola menjelaskan akan menyiasat lebih dahulu sama ada benar atau tidak Masjid Setia Ali di Pekan Muara itu tidak mempunyai pegawai yang cukup. Kaola ingin menjelaskan pada masa ini mempunyai 2 orang Pegawai Masjid iaitu seorang Pegawai Hal-Ehwal Masjid, seorang Imam dan seorang Buruh kerajaan. Jadinya tidaklah benar masjid itu terabai. Selain itu, kaola percaya pihak masjid, pegawai dan pihak tadbir masjid yang berkenaan berusaha untuk memastikan keselamatan, keselesaan jemaah dan masjid benar-benar bersih dan sebagainya menurut apa yang kita harapkan.

Jikalau pun pegawai 2 orang ditambah seorang pekerja pembersih itu tidak mencukupi bukan untuk kebersihan semata-mata, untuk mengatur mengenai sejadahnya, buka tutup pintu masjid dan sebagainya tapi jemaah tadbir tentu akan berfikir untuk menggunakan tabung masjid bagi melantik penduduk yang berkenaan di kampung itu sebagai pekerja tambahan sebagaimana yang dilakukan oleh sesetengah masjid di seluruh negara kita. Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas penerangan tambahan yang diberikan berhubung beberapa soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari

Khamis yang lalu. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menghuraikan bajet belanjawan kementeriannya, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
وَأَسْتَغْفِرُكُمْ وَعَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam
sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah.

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita kaola bagi mewakili Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda atas kurnia cadangan Peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan - SL01A hingga SL06A Tahun Kewangan 2018/2019 sebanyak \$76,311,140.00. Insya-Allah dengan adanya limpah kurnia ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus-menerus menggiatkan dan mempertingkatkan lagi pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam pelaksanaan semua dasar dan tugasnya sememangnya berdasarkan ataupun bersandarkan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan memastikan falsafah Melayu Islam Beraja sentiasa dijadikan pakaian dalam membentuk jalan yang unik dan hebat ke arah bangsa Brunei yang cemerlang. Dengan itu titah baginda sewaktu Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2018 amat dijunjung tinggi dan ditanai.

Khususnya kepentingan usaha mempelbagaikan ekonomi dan memajukan keupayaan anak bangsa Brunei supaya setanding dengan warga negara-negara lain. Ke arah ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meneruskan pelaburan kita untuk memajukan belia di negara ini dengan mengupayakan mereka dan meluaskan ruang dengan mempelbagaikan aktiviti perekonomian belia termasuk bidang pertanian. Program yang sedia ada seperti Program Belia Berpadi yang diungkuhkan oleh Pusat Pembangunan Belia akan diberikan nilai tambah.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

menyokong penuh fokus Belanjawan Tahun 2018/2019 dengan tema "Perbelanjaan Produktif Dan Berinovasi Bagi Memelihara Kemakmuran Negara" yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Pelbagai program teras Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyumbang kepada pencapaian fokus kelima "Memelihara Kesejahteraan Awam" seperti:-

1. Program-program Pembangunan Belia dalam meningkatkan pengetahuan terutamanya dalam bidang keusahawanan termasuk yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Belia berjumlah \$2,735,990.00;
2. Program Pembangunan Masyarakat serta Perkhidmatan Bantuan Am dan Memperkasa Penerima Bantuan Kebajikan berjumlah \$8,624,680.00. Sebahagiannya termasuk peruntukan sebanyak \$5,872,390.00 bagi membiayai usaha-usaha pengupayaan para penerima bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat agar dapat berdikari seperti Program Rintis (Bantuan Kebajikan Bulanan) BKB 100 dan pemberian bantuan kewangan; dan
3. Program Pengukuhan Jati Diri Bangsa melalui program-program sektor kebudayaan dan kesenian termasuk Program Promosi dan *Outreach*, Program Bahasa, Program Persejaraan Negara Brunei

Darussalam dan Muzium yang berjumlah \$7,086,020.00.

Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kesejahteraan masyarakat terutama sekali mereka yang lemah dan kurang upaya dapat dilihat melalui perkenan terhadap pindaan kepada Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya (Penggala 18). Kita amat bersyukur dan menjunjung kasih setinggi-tingginya atas pengurniaan pindaan ini yang kementerian ini sedang giat melaksanakannya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepanjang Tahun Kewangan 2017/2018 beberapa pencapaian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dapat dirasakan oleh seluruh golongan masyarakat dan usaha-usaha akan terus diperkukuhkan. Dalam hal ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak dapat bergerak sendiri dan akan mengutamakan pembentukan rakan strategik iaitu perkongsian pintar melalui permuzakarahannya secara terperinci, kolaborasi dan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam sama-sama menjayakan strategi dan program-program 4K kementerian ini iaitu Kebudayaan, Kemasyarakatan, Kebeliehan dan Kesukanan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola menggunakan sedikit masa di Dewan yang mulia ini untuk menerangkan satu

per satu bidang-bidang teras 4K Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang amat luas yang kesemua bidang berkenaan mempunyai kepentingan yang sama malahan saling berkaitan antara satu dengan yang lain.

Bidang pertama 4K ialah Kebudayaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu sambutan Hari Kebangsaan Ke 34 baru-baru ini yang baginda bertitah, "Negara sangat memerlukan generasi muda untuk berani tampil menerajui pembangunan", dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengorak langkahnya melalui 5 fokus:

1. Penglibatan belia dalam pembangunan negara. Fokus pertama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun Kewangan 2018/2019 adalah untuk melibatkan belia dalam pembangunan negara ke arah Wawasan Brunei 2035 yang akan digalas oleh mereka sendiri agar tidak tertinggal atau tercicir dalam apa jua usaha kemajuan negara. Para belia hendaklah memainkan peranan dalam perancangan dan memangkin pembangunan negara secara holistik;
2. Membangun kepimpinan belia melalui 2 pendekatan:
 - i. Pendedahan belia kepada amalan terbaik kepimpinan sama

ada dari dalam mahupun dari luar negara diteruskan dan diberi nafas baharu seperti Program Kepimpinan Persatuan Belia yang dikendalikan oleh Pusat *Outward Bound Brunei Darussalam*, Program Pertukaran Pemimpin Belia Brunei-Singapura dan Program BAS Belia yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

Ia merupakan kesinambungan dan penambahbaikan kepada Program Pertukaran Belia Daerah-Daerah dan akan mengumpulkan belia dari keempat-empat daerah menjelajah ke seluruh negara sebagai lambang perpaduan dan integrasi. Ia juga permulaan ke arah mengadakan Program Bas Belia ke seluruh Borneo;

- ii. Penglibatan aktif belia untuk lebih tampil ke hadapan. Adalah disedari bahawa pendedahan sahaja belum mencukupi. Oleh itu, kementerian ini akan memastikan para belia diganding dengan mentor untuk mengambil alih dan menjadi pelapis dalam pucuk kepimpinan persatuan-persatuan belia. Program-program kesukarelawan termasuklah Majlis Perundingan Kampung serta Majlis Perundingan Mukim seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ke arah ini, Kongres Belia dan Program Dialog Belia akan dihidupkan semula untuk memberikan wadah bagi membolehkan para belia bersama-sama terlibat dalam perancangan dan pembentukan ke arah pembangunan negara;

- iii. Menyemai semangat kesukarelawanan. Setakat ini penyemaian semangat kesukarelawanan kalangan belia Brunei, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** ketara berhasil. Kita berbangga lebih daripada 6,000 sukarelawan berdaftar dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 2016.

Dengan penubuhan Persatuan Alumni PKBN yang baharu ini akan memberikan nilai tambah kepada aktiviti-aktiviti sukarelawan belia. Untuk meningkatkan lagi semangat sukarelawan dan jumlah belia yang komited dan aktif dalam kerja-kerja sukarelawan, kementerian ini menggalakkan penubuhan sebuah badan sukarelawan di peringkat kebangsaan sama ada majlis ataupun yang bersesuaian bagi menggerak dan menyelaraskan aktiviti sukarelawan secara kolektif;

- iv. Sumbangan belia dalam perekonomian negara. Sebagai pelaburan masa depan, Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan melalui Pusat Pembangunan Belia dan Pusat Belia akan mengembeling tenaga bagi pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi negara. Strategi utama kita ialah untuk menambah pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perekonomian dan keusahawanan khususnya kepada golongan belia yang kurang berkelayakan. Kita akan mempertingkatkan peranan Pusat Pembangunan Belia dalam menggalakkan dan memberikan peluang dan latihan kemahiran selaras dengan keperluan pasaran.

Sukacita dikongsikan, setakat ini seramai lebih daripada 3,000 orang telah menamatkan program Pusat Pembangunan Belia semenjak tahun 1996. Pada tahun 2015, Pusat ini telah pun menerima akreditasi *City & Guilds* United Kingdom. Matlamat kita adalah bagi para belia yang *economically self sufficient*, berdikari dan menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi.

Ke arah ini, Pusat Pembangunan Belia akan menyasarkan peningkatan jumlah rakan strategik dari kalangan sektor swasta demi membuka lebih banyak peluang bagi belia untuk memulakan usaha-usaha persendirian termasuk aktiviti pertanian dan perikanan sebagai

- sumber perniagaan seperti mana yang telah ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan baru-baru ini; dan
- v. Penelitian keberkesanan. Akhirnya di sektor kebelaian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan akan terus meneliti dasar-dasar ke arah keberkesanan program dan aktiviti yang dijalankan dengan menilai dari segi kedayatahan dan relevansi terutamanya kepada para belia. Ini termasuk menilai secara objektif keberkesanan dan keberhasilan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) untuk menghasilkan Belia Brunei Cemerlang.
- disebabkan kurang kemampuan kewangan; dan
3. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat akan terus dijaga melalui:
 - i. Pemeduliaan warga emas yang pada masa ini berjumlah seramai 39,453 orang iaitu merangkumi hampir 10% daripada seluruh rakyat dan penduduk negara. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan sama termasuk masyarakat setempat akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Tindakan Isu Warga Emas. Ini termasuklah menambah kemudahan bagi pihak warga emas mengendalikan aktiviti-aktiviti mereka melalui penubuhan pusat-pusat masyarakat bestari yang menempatkan aktiviti-aktiviti tersebut di bawah satu bumbung.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola untuk berpindah ke bidang 4K yang kedua iaitu kemasyarakatan yang ditumpukan untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dijaga bersama. Di sini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memainkan peranan utama selaku Peneraju Bersama Strategi Jaminan Sosial Wawasan Brunei 2035 di samping mempengerusikan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) yang bertanggungjawab mengelina kebajikan serta menangani isu-isu sosial yang dihadapi oleh kumpulan-kumpulan sasaran yang dikategorikan lemah di negara ini iaitu Orang Kelainan Upaya, warga emas, keluarga, wanita dan kanak-kanak serta warga-warga yang menghadapi kesusahan kehidupan

Matlamat aktiviti-aktiviti tersebut bagi menjana masyarakat yang berpengetahuan sekaligus aktif dalam kegiatan berkebajikan. Inisiatif ini juga dihasratkan untuk membuka peluang bagi para warga emas terus menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara;

- ii. Membantu golongan yang susah. Pada tahun 2017, jumlah penerima Bantuan Kebajikan adalah seramai 6,001 orang ketua keluarga termasuk mereka yang terdiri daripada golongan seperti ibu tunggal, yang kurang upaya dan kehilangan mata pencarian. Bagi golongan ini, Jabatan Pembangunan Masyarakat akan terus memberikan bantuan mengikut peraturan yang terdapat pada masa ini sehinggalah mereka akan dapat berusaha untuk menyara kehidupan sendiri di satu hari nanti.

Bagi penerima-penerima bantuan yang berupaya, sihat dan boleh bekerja, kementerian ini khususnya melalui inisiatif Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), membantu mereka untuk berdikari melalui Program Pengupayaan agar mereka tidak bergantung pada bantuan kebajikan bulanan;

- iii. Peluang kesaksamaan bagi orang-orang kelainan upaya demi memastikan golongan ini diberi sokongan dan dukungan daripada pihak-pihak berkepentingan, khususnya dalam memberikan peluang-peluang pekerjaan. Adalah dihasratkan bagi orang-orang kelainan upaya boleh berdikari dan menjalani kehidupan seharian bersama masyarakat;

- iv. Memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak, antara lain melalui penguatkuasaan Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centre Act*). Pada tahun 2017, kementerian ini telah pun meneliti cabaran-cabaran dalam penguatkuasaan undang-undang berkenaan. Langkah-langkah pembaikan telah pun dibuat termasuk cadangan untuk membuat pindaan terhadap perundangan tersebut dan penambahbaikan proses pelesenan; dan

- v. Penekanan terhadap kepentingan pengukuhan institusi keluarga yang perlu diamalkan sepanjang masa, bukan sahaja melalui gagasan sambutan tahunan Hari Keluarga Kebangsaan. "Aku Sayang Keluarga Ku" salah satu slogan yang digunakan sewaktu Hari Keluarga Kebangsaan tahun 2017, adalah mesej yang ingin diterapkan di hati setiap rakyat dan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bidang ketiga 4K, tugas utama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah bidang kebudayaan. Budaya Brunei yang unik merupakan khazanah yang wajib dilindungi dan dipelihara sebagai warisan tamadun dan tonggak identiti negara. Apa yang lebih penting, ia perlu dipraktikkan dan diamalkan

sepanjang hayat oleh seluruh lapisan masyarakat agar menjadi cara hidup anak-anak kita dan generasi akan datang. Pada masa yang sama, sektor ini juga boleh membantu ke arah pembangunan ekonomi. Dalam merealisasikan matlamat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memberikan keutamaan ini kepada:-

- i. Memastikan Falsafah Melayu Islam Beraja adalah calak orang Brunei. Pencerminan identiti dan budaya kebruneian berasaskan Melayu Islam Beraja diolahkan dengan pemakaian bahasa Melayu dan penulisan Jawi secara betul, kesusasteraan, penerapan kebudayaan, pemahaman persejarahan Brunei dan pemeraksanaan peradaban. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus mengungkuhkan Program Kesedaran dan Praktikal secara jangkauan ataupun *outreach*.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sepanjang tahun 2017 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah berjaya melaksanakan 310 kegiatan kebudayaan melalui Jabatan Muzium-Muzium, Pusat Sejarah Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Bahagian Kebudayaan dan Kesenian. Ini termasuk penerbitan sebanyak 73 buah buku dan majalah secara keseluruhan:

- i. Antara tindakan seterusnya, termasuk pembaharuan dari segi

pengendalian program-program tersebut yang merangkumi bengkel permainan tradisi, promosi muzium dan tapak warisan negara, penerbitan buku-buku, pemberitaan menggalakkan budaya membaca serta penggunaan bahasa Melayu, yang akan dianjurkan secara kolektif untuk meningkatkan keberkesannya di bawah satu program dipanggil Perjalanan Kebudayaan dan memulakan langkah ke arah penubuhan Akademi Budaya; dan

- ii. Penggalakan sektor kebudayaan ke arah menyumbang kepada perkembangan sektor industri pelancongan. Sektor kebudayaan mempunyai potensi tinggi untuk membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara dengan perkembangan sektor industri pelancongan. Pelaburan demi menarik ramai pelancong ke negara ini boleh dilihat dari segi pemeliharaan dan perkembangan tapak warisan yang bersejarah dan muzium-muzium secara penganjuran aktiviti kebudayaan termasuk promosi Jejak Warisan ataupun *Heritage Trail*.

Penaiktarafan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja yang dinamakan semula menjadi Muzium Alat-Alat Kebesaran Diraja bermula 1 Disember 2017, dan

pelaksanaan pameran kerjasama Negara Brunei Darussalam dan Singapura yang sedang diadakan sehingga bulan April ini di Galeri Seni di Dermaga Diraja.

Insya-Allah, pelaburan demi menarik para pelancong juga akan membuahkan hasil yang dihasratkan melalui deklarasi yang telah pun dibuat baru-baru ini iaitu Deklarasi Bandar Seri Begawai sebagai *ASEAN City of Culture 2017/2018* dan seterusnya sebagai *Capital City of Islamic Culture in the Asia Region* pada tahun 2019. Pengistiyiharan-pengistiyiharan sebegini telah meletakkan negara kita di peta budaya dunia dan memberikan tumpuan kepada Bandar Seri Begawan sebagai sebuah bandar raya yang ceria penuh bersejarah dan mempunyai kebudayaan yang unggul.

4. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Akhir sekali tidak kurang penting ialah kesukanan iaitu bidang terakhir 4K, tugas utama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kementerian ini bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang lainnya serta persatuan-persatuan sukan kebangsaan menerajui usaha melaksanakan Dasar Sukan Negara ke arah cara hidup masyarakat yang cerdas, sihat dan bersatu padu melalui sukan untuk masyarakat dan sukan berprestij tinggi.

Sejajar dengan dasar sukan negara, mengenai sukan untuk masyarakat. Riadah Sukan Berbasikal telah berjaya diistiyiharkan sebagai Sukan Hobi Negara.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setingginya menjunjung kasih atas sokongan dan dukungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda yang berkenan bercemar duli menyertai rakyat dalam aktiviti berbasikal. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memastikan sukan-sukan tradisi rakyat seperti tarik kalat dan berkayuh terus diketengahkan dalam menarik minat segenap lapisan masyarakat khususnya para belia;

Sukan prestasi tinggi bagi mengharumkan nama negara. Kita juga amat bersyukur dengan keberangkatan dan penglibatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memberikan sokongan secara peribadi dan kecemerlangan anakanda-anakanda baginda yang turun padang bersama-sama atlet negara yang lainnya dan berjaya mengharumkan negara semasa Sukan Asia Tenggara atau *SEA Games* pada tahun 2017 yang lalu.

Inilah yang boleh dikatakan *role model* bahawa kegemaran bersukan

dan mewakili negara sesuatu yang tidak mengira darjat dan umur dan diharap rakyat Brunei terutama para belia kita akan lebih bangkit untuk bergiat aktif dan komited di samping menarik lebih ramai atlet muda yang berpotensi.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pada tahun 2017 negara telah menunjukkan peningkatan apabila atlet negara telah berjaya memperolehi 7 emas, 13 perak dan 19 gangsa secara keseluruhan. Kita amat berbangga dengan pencapaian atlet-atlet negara khususnya dari golongan belia dan OKU yang berjaya meraih pingat.

Untuk meneruskan dan sekali gus meningkatkan lagi prestasi atlet negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengorak beberapa langkah intervensi melalui:

- i. Memastikan kemudahan sukan yang menepati keperluan. Pada tahun 2017 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menghadapi pelbagai cabaran dalam menyediakan kemudahan sukan yang terbaik. Ke arah ini kementerian ini akan melipatgandakan usahanya bagi menepati keperluan pengemar-pengemar sukan di negara ini. Justeru, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menerokai kaedah alternatif seperti menjemput pihak swasta untuk sama-sama menyediakan kemudahan-kemudahan sukan di negara ini.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memberikan tumpuan dalam memastikan kemudahan sukan sentiasa dalam keadaan yang baik agar dapat digunakan sepenuhnya oleh semua; dan

- ii. Program Pembangunan Atlet. Fokus juga akan diberikan kepada menambah baik pembangunan atlet kebangsaan termasuk mempertingkatkan penggunaan kaedah sains sukan. Sudah tentu ini memerlukan kepakaran yang spesifik dan kementerian ini akan meneliti sama ada kepakaran ini terdapat di dalam mahupun di luar negara, agar boleh menepati keperluan dan kehendak negara, dan juga memastikan adanya orang kitani sendiri sebagai pelapis.

Di samping itu, dalam memastikan para atlet kita untuk terus bersemangat Skim Penggalak Kecemerlangan sukan akan *direview* dan dinilai semula. Ini akan dapat menjadikan pendorong kepada para atlet untuk sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dan mencapai prestasi yang lebih cemerlang.

Pendedahan bersaing termasuk dengan atlet-atlet yang terbaik di peringkat negara, serantau

dan antarabangsa penting bagi atlet-atlet negara. Ke arah ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengendalikan kejohanan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam pada September nanti dan kejohanan *BIMP EAGA Games* yang akan dianjurkan pada Disember nanti.

Dalam masa yang sama, penghantaran berdasarkan potensi dan prestasi para atlet untuk menyertai kejohanan di luar negeri juga akan diteruskan termasuklah dalam kejohanan Komanwel yang akan berlangsung pada bulan April tahun ini di Gold Coast, Australia.

Secara keseluruhannya, pada Tahun Kewangan 2018/2019 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus bergerak secara lebih inklusif dalam apa jua tindakannya. Ini termasuk penyediaan Sistem Perlindungan dan Jaminan Sosial yang menyeluruh lagi mampan, khususnya melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial, di samping memastikan tidak ada golongan tercicir.

Beberapa pembaharuan telah dirangka untuk meningkatkan keberkesanan pelan-pelan tindakan dalam memberikan perlindungan sepanjang hayat ini. Pada masa yang sama, nilai-nilai teras Kebruneian

yang mengikut prinsip-prinsip keislaman juga terus diutamakan iaitu taat setia kepada raja dan negara, beragama dan berakhlak mulia, berbudaya dan bersifat mulia, berdikari, berdaya tahan dan dinamik dan harmoni dan bersatu padu.

Ke arah ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan dalam sektor kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan swasta akan menjalankan program-program bersesuaian melalui kaedah perkongsian pintar atau *smart partnership*.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneliti semula dasar-dasar yang sedia ada untuk memastikan relevansi dan keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar tersebut. Manakala, keperluan pengumpulan dasar baharu seperti Dasar Kemasyarakatan akan diteliti, dalam masa yang sama, beberapa akta akan melalui beberapa pindaan selaras dengan keperluan semasa. Program-program teras seperti Program Khidmat Bakti Negara, Pusat Pembangunan Belia, Program Bantuan, Program Kebudayaan dan Program Kesukanan akan terus dikemas kini.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengibaratkan program dan aktiviti 4K sebagai pelaburan masa depan negara. Semua kumpulan sasar di bawah pemeduliaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dilihat dari setiap sudut terbaik agar

mereka dapat turut menyumbang, memajukan negara.

Nafas baharu juga akan diberikan agar apa juga program dan aktiviti yang dijalankan lebih bermanfaat ini termasuk melibatkan mereka secara aktif dalam perancangan dan pelaksanaan dasar serta program Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Penggunaan prasarana-prasarana di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang sedia ada juga akan dikemaskinikan secara lebih strategik. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amat beruntung untuk mempunyai prasarana yang berhampiran dengan komuniti masyarakat. Dalam hal ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengoptimasikan kegunaan bagi masyarakat setempat.

Menerusi perancangan-perancangan yang telah kaola kongsi tadi, insya-Allah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan melipat gandakan usaha dalam mencapai hasil yang dihasratkan oleh negara selari dengan keperluan masa ini dan akan datang. Kita juga menyedari kementerian ini tidak dapat bergerak bersendirian seperti mana juga apa yang dikatakan oleh rakan-rakan sejawatan kaola, pendekatan *whole of nation* ataupun pendekatan senegara yang berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja itulah cara kita menuju pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Semoga perancangan-perancangan digariskan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala juga, sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية التَّسْلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah memberikan kita huraian mengenai sasaran dan hala tuju kementeriannya sesuai dengan belanjawan yang kita hadapi ketika ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini kita bukakan untuk dibahaskan, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya tidak menimbulkan perkara-perkara yang berulang-ulang seperti mana yang telah dihuraikan dengan panjang lebar di dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi.

Biarlah soalan-soalan ataupun pertanyaan-pertanyaan itu bertumpu kepada perkara-perkara yang utama. Di sini saya mempunyai senarai yang agak panjang daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Tajuk ini. Maka untuk tidak membuang masa lagi, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

التَّسْلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Terima kasih Yang Berhormat

Pengerusi sekali lagi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tahniah juga atas usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terutama kaola mendengar tadi untuk menghidupkan semula *congress* belia dan kaola percaya usaha murni ini ditunggu-tunggu oleh para belia kitani di luar sana untuk melibatkan diri lebih aktif dalam pembangunan negara mencapai Wawasan Brunei 2035.

Kaola ingin menyentuh 3 Perkara di bawah Tajuk Pembangunan Belia dan Sukan:

1. Dalam Dasar Sukan Negara ada satu bahagian menyebut mengenai Brunei Darussalam *Sports and Lacerations Acts* dan antara perkara-perkara di bawahnya ialah:
 - i. Penubuhan beberapa agensi seperti Jabatan Sukan Rekreasi, Majlis Penasihat Kebangsaan Sukan dan Yayasan Sukan Kebangsaan. Ini menarik kerana ia menyentuh akan meningkatkan sumber kewangan dan agensi pembangunan ekonomi melalui sukan. Kaola ingin bertanya: Apakah status mengenai perkara ini? Ia berkaitan dengan mengupayakan atlet-atlet kitani bukan sahaja dari segi prestasi tetapi juga sukan sebagai kerjaya;
2. Apakah usaha pihak kementerian untuk mendukung penggerakan belia di peringkat *online*? Perubahan era dan teknologi pada masa kini sudah memasuki industri 4.0, bukan

sahaja pergerakan belia di peringkat fizikal seperti kerja kemasyarakatan dan kemanusiaan atau pergerakan di persatuan atau kampung akan tetapi juga di alam maya yang sudah kitani lihat seperti *twitter, instagram, crowdfunding, crowdsourcing, sharing economy* dan lain-lain; dan

3. Terakhir sekali, semenjak siapnya Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kompleks Sukan Sungai Kebun menjadi *alternative* kepada Pusat Belia bagi pergerakan belia memandangkan sudah adanya *games villages* di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di Berakas untuk kegunaan atlet-atlet kerana lebih dekat dengan tempat latihan atau pertandingan serta cabaran akses tempat letak kereta di Pusat Belia.

Kaola ingin mencadangkan penggunaan Kompleks Sukan Sungai Kebun untuk menjadi sebahagian bangunan *satellite* Pusat Belia yang mempunyai kemudahan lebih sesuai untuk *program* belia jika dibandingkan dengan kawasan yang terhad di Pusat Belia di Bandar Seri Begawan.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad

di atas soalan yang telah diajukan. Ada 3 soalan:

1. Mengenai dasar sukan;
2. *online*; dan
3. Berkenaan dengan Kompleks Sukan Sungai Kebun sebagai Kompleks *Satellite* Pusat Belia.

Untuk menjawab soalan tersebut:

1. Dikongsikan bersama bahawa Dasar Sukan terdapat 10 rancangan tindakan strategi, antaranya ialah Penggunaan Sukan; Kepimpinan Pertubuhan Sukan; Pengurusan Kejurulatihan; Kemudahan Sukan Kewangan; Yayasan Sukan penggalakan insentif dan biasiswa.

Mengenai *Recreational Sports* yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad tadi, kementerian ini berpandangan, dengan penubuhannya Jabatan Belia dan Sukan pada tahun 1993 dan Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam pada tahun 1994, telah dapat memenuhi bidang pertubuhan sukan terhadap rancangan tindakan strategi dasar sukan negara dan *we feel that* tidak adanya keperluan bagi penubuhan *sports council* seperti di negara-negara jiran.

Ke arah ini, kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus memimpin, menggalak dan membantu dalam pembangunan dan perkembangan sukan seperti menyediakan

peruntukan kewangan dari aspek infrastruktur bagi membangunkan program sukan untuk masyarakat dan sukan prestasi tinggi.

Dari aspek kewangan sebagaimana yang telah diketengahkan tadi bagi menjana atlet-atlet, kementerian ini bertanggungjawab pada keseluruhannya untuk menyediakan sumber kewangan untuk pembangunan sukan di negara ini. Antaranya termasuklah bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan jumlah bantuan kewangan pada tahun lepas sahaja lebih kurang \$300 ribu dan juga untuk memberikan peluang untuk menyertai kejohanan-kejohanan di luar negara sebagai pendedahan dan dalam masa yang sama juga untuk memberikan bantuan perkhidmatan dari aspek pakar sukan sains dan juga pakar kejurulatihan di samping kemudahan elau latihan.

Apa yang perlu ialah barangkali Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan *the way forward* untuk melihat *smart partnership* bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan untuk memberikan sumber kewangan dalam menjana atlet-atlet kitani,

Mengenai cadangan penubuhan Yayasan Sukan ataupun *National Sports Foundations* ia telah dicadangkan untuk ditubuhkan di bawah *Brunei Darussalam Sports*

and Recreational Act sebagai sumber kewangan dan agensi pembangunan ekonomi belia dan sukan.

Walau bagaimanapun, perkara ini belum dapat diteruskan kerana pihak kementerian mengambil maklum bahawa mana-mana yayasan yang hendak ditubuhkan hendaklah berdaftar di bawah Akta Syarikat dan akan dikenakan pembayaran cukai setiap tahun dan juga pihak kementerian ini masih *mereview* perkara ini;

2. *On question* berkenaan dengan *online*: Kitani mengambil maklum bahawa belia masa kini canggih dan begitu *internet survey* dan banyak menggunakan *platform social media* untuk menerima maklumat, berinteraksi dan bercambah fikiran. Dikongsikan di sini bahawa sememangnya terdapat perancangan di bawah pelan *e-Kerajaan* Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui platform *YSNET* untuk memperkenalkan sebuah portal belia menggunakan *internet*.

Khususnya sosial media untuk menyalurkan maklumat kepada belia, memperkenalkan program-program, membolehkan pendaftaran kepada program-program belia secara *online* dan membukakan *platform forum* secara *online* untuk membolehkan percambahan fikiran dalam kalangan belia dan juga kementerian.

Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab tertentu projek berkenaan memerlukan sedikit pembaikan dan tambahan bagi pengurusan pelaksanaannya. Akan tetapi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat bahawa pada masa ini usaha yang telah dilaksanakan ialah dengan menggunakan pergerakan fizikal bersama dengan persatuan-persatuan dan organisasi dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ataupun Jabatan Belia dan Sukan mempunyai laman *Facebook* dan *Instagram* untuk menyalurkan maklumat mengenai aktiviti belia di samping kumpulan-kumpulan *whatsapp* bersama dengan bekas peserta-peserta program yang dianjurkan oleh jabatan di samping laman *web* yang di *host* oleh persatuan belia sendiri.

Insya-Allah, kitani akan mempercepatkan usaha untuk menyediakan *portal* belia berkenaan dalam masa yang terdekat ini; dan

3. Mengenai *Satellite* Pusat Belia, kitani menyambut baik hasrat ataupun pandangan yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat. Insya-Allah perkara ini akan diteliti agar *accessibility* kepada belia akan dapat dicapai sepenuhnya *so we will look into this matter* khususnya dalam mengadakan satu *satellite* bukan sahaja tertumpu kepada pusat Belia akan tetapi kawasan-kawasan yang berdekatan khusus bagi kepentingan dan kegunaan para-para belia dan

insya-Allah perkara ini akan diteliti dengan sebaiknya, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi. Kaola berterima kasih atas penerangan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah menyebutkan rancangan Kementerian Yang Berhormat itu dalam beberapa bidang.

Di sini kaola ingin memfokus beberapa cadangan supaya jika boleh dipertimbangkan. Kaola hanya akan memakai beberapa istilah tidak menerangkan dengan lebih lanjut kerana boleh memakan masa. Mudah-mudahan Rancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memperkasakan dalam bidang-bidang tertentu seperti Industri Seni Kreatif dan juga rancangan atas nama pembangunan sastera dan juga persuratan Islam di Negara Brunei Darussalam.

1. Secara khusus, kaola ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan akan dapat merancang bagi penubuhan sebuah Akademi Kebudayaan dan Kesenian berdasarkan Dasar Kebudayaan Negara Brunei Darussalam. Pembinaan bidang ataupun akademi kebudayaan dan kesenian ini akan dapat menyumbang kepada kerjaya masyarakat dan juga menjana ekonomi masyarakat;

2. Kaola ingin timbulkan, dari pengamatan kaola secara rambang perkara ini sering ditimbulkan di Dewan yang mulia ini dahulu, tetapi masih terdapat sebahagian golongan masyarakat kitani yang terlibat dengan kegiatan memintaminta dengan pergi ke rumah-rumah penduduk dan ada sebahagiannya memintaminta di tempat awam seperti di kompleks membeli belah khususnya di kedai-kedai makan dan restoran. Mereka menggunakan bukan istilah memintaminta tetapi minta belanja.

Soalan kaola: kaola ingin tahu sejauh mana kegiatan golongan ini ditangani dan dipantau? Adakah statistiknya di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan? Apa program ataupun projek-projek yang akan diungkayahkan bagi menangani masalah ini?; dan

3. Satu perkara sebelum kaola menutup. Maafkan kaola usulnya kaola ini, mengulang apa yang kaola timbulkan di sini beberapa hari yang lalu, tetapi malangnya soalan kaola itu tidak dijawab oleh Yang

Berhormat Menteri yang berkenaan. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hanya menerangkan fungsi dan tugas bahagian yang koala timbulkan, tetapi tidak merespons apa yang koala tanya.

Jika dibenarkan koala ingin membuat pertanyaan seterusnya Yang Berhormat Pengerusi.

Soalan koala itu dahulu ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan iaitu mengenai isu bahasa Melayu dan tulisan Jawi sekarang diambil oleh *ABCi*.

Soalan koala supaya peranan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pentadbir ataupun pengurus kepada pemertabatan tulisan Jawi dan bahasa Melayu mengikut Perlembagaan Negara Brunei Darussalam melalui Bab 82-1. Sepatutnya perkara yang berkaitan dengan bahasa Melayu dan Jawi ini dikembalikan semula kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Itulah permohonan koala hari itu, tetapi nampaknya belum dijawab permohonan koala itu sebaliknya Yang Berhormat Menteri berkenaan hanya menerangkan fungsi *ABCi* sekarang.

Jadi mengambil kesempatan giliran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka adalah jabatan di bawah kementerian ini, koala minta dengan sesungguhnya supaya isu yang koala bawa itu dijawab sama ada bolehkah

dikembalikan semula hak Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pentadbir dan pemegang amanah bahasa Melayu dan Jawi ini supaya tidak diabaikan.

Demikian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tetapi sebelum itu, saya kira Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan sudah dijawab. Pihaknya kalau saya tidak silap akan terus bekerjasama dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mengenai perkara sedemikian. Mengenai hak sesuatu jabatan, saya kurang pasti dari segi undang-undang, apakah hak satu jabatan itu mengenai sesuatu perkara yang dikelolakan oleh kerajaan barangkali ini memerlukan pedalaman, penelitian yang mendalam.

Tapi dari segi praktiknya, saya memang sudah cukup tangkas bagi Kementerian Pembangunan sebagai pihak dari segi undang-undang memberikan lesen, bekerjasama dengan jabatan yang berkenaan apa lagi memang sudah jadi kebiasaan sebelum sesuatu lesen diberikan dan kementerian yang berkenaan atau jabatan yang berkenaan berhubung rapat dengan jabatan-jabatan yang lain yang ada kepentingannya masing-masing.

Tapi perkara ini saya serahkan kembali kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ia tidak ada pada

ketika ini, barangkali kita akan mengingatinya kemudian. Silakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim atas 3 soalan dan juga cadangan yang telah dihadapakan.

Kaola akan menjawab barangkali soalan yang ke-3 dahulu berkenaan dengan:-

1. Peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mengangkat Tulisan Jawi dan bahasa Melayu iaitu peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama dengan pihak *ABCi* sebagai tambahan. Sebenarnya bermula pada tahun 1 November 2016 peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka mengenai pengesahan Tulisan Jawi dan Rumi telah pun diberikan kepada *ABCi*.

Kaola hanya ingin menambah bahawa Kementerian ini sentiasa memberikan kerjasama bersama-sama dengan *ABCi* seperti mana yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan peranan kementerian ini sama-sama mengangkat Tulisan Jawi dan

Bahasa Melayu ini dan secara proaktifnya setelah 1 November 2016 peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah:

- i. Untuk memberikan teguran kepada kementerian atau jabatan kerajaan dan swasta mengenai dengan penggunaan Tulisan Jawi dan Bahasa Melayu yang betul;
- ii. Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka ialah untuk memantau Tulisan Jawi dan jika terdapat kesalahan, teguran-teguran akan dapat dihadapakan kepada *ABCi* sebagai *SOP* jabatan untuk tindakan seterusnya; dan
- iii. Untuk menerbitkan Buku Panduan Tulisan Jawi dan Bahasa Melayu pada papan-papan nama yang dapat dijadikan rujukan oleh semua pihak.

Kita akan terus berusaha dan bekerjasama dengan pihak *ABCi* dalam memartabatkan khususnya dalam pengesahan Tulisan Jawi dan Rumi. Itu barangkali perkara pertama yang kaola kongsi;

2. Perkara yang kedua ialah soalan yang pertama mengenai industri kreatif dan juga penubuhan Akademi Budaya dan Kesenian. Kaola ingin mengongsi di sini. Memang betul Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan melihat keperluannya untuk memperkasa industri kreatif dan perkembangannya kerana ia mempunyai nilai positif ke arah pembangunan sosioekonomi negara.

Insyallah, Akademi Kebudayaan dan Kesenian seperti mana jua dalam mukadimah dan juga jawapan dalam sesi jawapan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas masih lagi dalam proses dan Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan mengukuhkan kapasiti melalui projek Akademi Budaya bagi melengkapkan perisian Balai Budaya. Dikongsikan bersama juga mengenai Balai Budaya bahawa sebuah tapak seluas 2,000 hektar di kawasan perdagangan Kampung Kiulap telah diberikan oleh Kementerian Pembangunan.

Pada tahun 2009, sebuah konsultan telah pun menyediakan reka bentuk dan perkara ini telah pun dihadapkan ke JPKE. Perkara ini akan terus dilihat bagi penubuhan seperti mana yang kita hasratkan Akademi Kebudayaan ataupun Akademi Budaya dan Kesenian; dan

3. Untuk menjawab persoalan mengenai perkara meminta-minta ini. Secara amnya dan secara dasarnya kita tidak mempunyai statistik mengenai perkara ini. Insyallah kita akan melihat dan meneliti dan memantau perkara ini dan akan melihat hala tuju yang

betul untuk kita memastikan bahawa perkara ini akan dapat dilihat dengan sebaik-baiknya. Bagi memantau perkara ini agar ia dapat dibendung dengan secara baik dan memberikan atau membantu kepada pihak-pihak yang perlu diberikan bantuan. Secara amnya kita tidak mempunyai statistik yang khusus akan tetapi ia akan dapat dilihat dan ditunduki.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ الْاَنْبِیَاءِ
وَالْمُرْسَلِیْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰی اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti yang dijelaskan dalam sesi mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang cukup jelas dan terperinci. Walau bagaimanapun, saya ingin memohon keterangan tambahan mengenai isu yang dibangkitkan oleh orang ramai beberapa perkara seperti berikut:

1. Akaun B00400 - Pemeliharaan Aset Kerajaan. Iaitu meningkatkan prasarana Kompleks Sukan Temburong.

Soalannya: Adakah pihak kementerian merancang kompleks sedia ada bangunan berbentuk komersial seperti membuka jalan atau perintis peningkatan sosioekonomi di daerah ini melalui sukan. Seperti membina *gymnasium*, *fitness zone*, dewan serbaguna dan seumpamanya sebagai tempat perkumpulan belia beraktiviti, perhimpunan masyarakat dan sosio *sport tourism*.

Tujuannya bagi persiapan temasya sukan dijadikan *venues* dalam pertandingan di peringkat antarabangsa jika diperlukan. Faedah pulangan kepada kerajaan (*return of investment*) dari kemudahan yang disediakan dengan kadar penyewaan yang berpatutan ini mengambil kira setelah kemudahan perhubungan Jambatan Temburong dalam pelaksanaannya siap dibina nanti.

Seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Tamat Latihan Pengambilan PKBN yang ke-7 baru-baru ini. Apakah perancangan yang akan dibuat di kompleks PKBN berkenaan?;

2. Kod 004/001 - Pengurusan Dasar Belia dan Sukan. Dasar Belia Kebangsaan seperti yang dimaklumi digubal pada tahun 2002. Satu kajian telah pun dibuat dan bilakah ia akan dapat dilaksanakan? Kita mengharapkan seperti mana yang

dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya penglibatan para belia ini menerajui kepimpinan belia dan juga kebajikan pertubuhan-pertubuhan sukarelawan ini akan dapat dipertingkatkan. Seterusnya ingin mengetahui mengenai status persatuan belia yang berdaftar dan masih aktif di bawah Majlis Belia Brunei dan yang tidak bergabung dengan Majlis Belia Brunei, adakah usaha-usaha menggabungkan persatuan ini dalam satu bumbung?;

3. Kod 005/002 - Bantuan Badan-Badan Bukan Kerajaan. Menyentuh sekali lagi mengenai Majlis Belia Brunei dan Majlis Belia Daerah. Dahulu ia pernah diberikan peruntukan bagi menggerakkan pentadbiran pengurusan dan aktiviti majlis-majlis berkenaan. Sekarang ini peruntukan tersebut ditiadakan. Majlis Belia Brunei belumlah juga mempunyai bangunannya tersendiri seperti Persatuan Pengakap, Persatuan Pandu-Puteri dan sebagainya. Walau bagaimanapun, masih ada persatuan yang bergiat aktif dalam aktiviti kebudayaan dalam peringkat persatuan daerah dan kebangsaan.

Soalannya: Adakah cadangan dan usaha-usaha dari pihak Majlis Belia itu sendiri dan jabatan berkenaan bagi menangani masalah tersebut?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada soalan yang telah pun diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Barangkali kaola dapat merumuskan daripada 4 soalan yang diajukan:-

1. Pemedulian Aset Kerajaan *and also return of investments* kepada aset-aset kerajaan yang telah pun dilaburkan. Kaola ingin mengongsikan seperti mana dalam mukadimah berkenaan dengan aset kerajaan khususnya termasuklah kompleks-kompleks sukan diberikan keutamaan dan ia akan dapat digunakan sepenuhnya oleh masyarakat-masyarakat.

Sebagai misalan bahawa penggunaan kompleks-kompleks sukan seperti sahaja di Daerah Temburong khususnya di kolam renang statistik yang telah pun dikongsikan bahawa penggunaan kompleks kolam sukan renang di Daerah Temburong digunakan secara maksimum kalau kita melihat bahawa penggunaan pada tahun 2015 adalah lebih daripada 10,000 *walk-in*, 2016 lebih daripada 13,000 dan 2017 hampir 7,000 dan kita melihat bahawa jumlah penduduk di Temburong lebih kurang 10,000

ertinya ia digunakan dengan secara maksimum.

Kita melihat bahawa pengurangan pada tahun 2017 antara sebabnya adalah kerosakan kepada fasiliti kolam renang, ini menunjukkan bahawa kepentingan bagi pemedulian aset-aset ini dijaga dengan baik. Insya-Allah, perkara ini satu keutamaan yang diberikan seperti mana jua dalam mukadimah.

Dari aspek penggunaan kaedah rental *FRS* dan juga *rental services* dan *outsourcing*, sebenarnya kaedah ini telah pun digunakan di Stadium Hassanal Bolkiah dan salah satu petak telah pun disewakan operasinya, dijalankan oleh salah satu syarikat untuk mengendalikan seperti mana jua *fitness zone*. Perkara ini akan dilartkan juga ke kompleks-kompleks yang lain.

Kitani melihat sekiranya ada nilai tambah dan ia memberikan impak dan efek kepada masyarakat setempat, kitani akan membukakan kaedah ini dan kita melihat bahawa salah satu tempat adalah di Kompleks Mumong akan dibuat dan akan dilartkan. Insya-Allah kita juga akan melartkannya di Daerah Temburong agar ia akan dapat dirancang dan dijalankan dengan lebih efektif dan tidak menggunakan perbelanjaan kerajaan sepenuhnya.

Dari aspek *return of investment*, apa yang kitani lihat di Daerah

Temburong ini dengan adanya prasarana PKBN, kitani melihat bahawa dengan adanya prasarana PKBN bersebelahan dengan Stadium Batu Apoi ia adalah seperti satu kompleks *satellite* dan kita boleh melihat bahawa perancangan seperti sukan-sukan kebangsaan dan juga sukan-sukan wilayah seperti *BIMP-EAGA* jika sekiranya kompleks sukan di Batu Apoi itu berfungsi sepenuhnya kita dapat melihat bahawa bangunan PKBN boleh dijadikan sebagai satu perkampungan sukan.

Kitani akan menilai dan melihat ke hadapan bahawa kompleks-kompleks ini akan digunakan sepenuhnya dan kitani suatu hari nanti akan membuat perancangan bahawa sukan-sukan kebangsaan boleh diadakan di Daerah Temburong dengan menggunakan fasiliti-fasiliti seperti PKBN dan sebagainya. Hasrat ini seperti *BIMP-EAGA* adalah satu hasrat yang boleh difikirkan bersama kerana jumlah sukan bagi *BIMP-EAGA* ini dapat menampung untuk ia diadakan seperti di Temburong.

Mengenai status persatuan belia yang aktif, seperti mana yang dikongsikan bahawa kita mempunyai persatuan belia dan hampir separuh persatuan belia ini kita melihat begitu aktif.

Separuh daripada persatuan belia ini kita melihat bahawa kekurangan keaktifan ini antara lainnya

disebabkan oleh ia amat bergantung pada kepimpinan persatuan tersebut. Yang kedua sumbangan ataupun dari aspek kewangan. Kita telah pun membuat perjumpaan dengan persatuan-persatuan belia. Hasil dari perjumpaan dengan persatuan-persatuan belia ini kita melihat apa juga kekurangan yang boleh dibantu bersama dengan persatuan belia dan akan mengadakan dialog yang berterusan bersama dengan persatuan-persatuan belia seperti mana yang telah pun diadakan pada tahun 2017.

Kita sebenarnya juga menghulurkan bantuan-bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan belia yang aktif untuk menjana apa jua aktiviti-aktiviti kepada persatuan-persatuan belia. Dasar Belia Kebangsaan seperti mana yang telah pun diketengahkan memang Dasar Belia Kebangsaan telah pun dilihat pada tahun 2002, perkara ini akan diteliti dan kita lihat sebenarnya Dasar Belia Kebangsaan masih lagi relevan dan dapat diguna pakai. Insya-Allah ia akan dilihat semula sekiranya ia mempunyai keperluan untuk diteliti semula.

Berkenaan dengan *NGO's*, barangkali saya akan membuat perjumpaan secara bilateral untuk memberikan jawapannya yang lebih terperinci mengenai perkara ini bersama dengan Yang Berhormat.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Diucapkan tahniah pada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Mudah-mudahan Yang Berhormat akan berjaya dengan cemerlang dalam menerajui kementerian. Kaola membawakan di bawah Tajuk SL01A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan:

1. Apakah perancangan kementerian bagi melanjutkan aktiviti-aktiviti usaha atau perniagaan keluaran Pusat Pembangunan Belia? Di sini kaola ingin mencadangkan bagi memperkasa belia khususnya keluaran PPB supaya dicipta Pusat Industri Belia di empat daerah.

Dicadangkan dibuat tawaran kepada pemaju untuk membina bangunan Pusat Industri Belia dan dibayar sewa kepada pemaju berkenaan sebagai sokongan swasta kepada usahawan belia juga diberi galakan keluaran Pusat Pembangunan Belia membuat pinjaman kepada Bank

Usahawan Brunei. Diharap pihak bank akan membuka pinjaman *business startup* dan dicadangkan pada permulaan ini dibuat industri ringan seperti bidang jahitan, membekal kepada keperluan pasukan beruniform. Ini membantu memberi peluang luas kepada bangsa kita generasi muda memasuki *volume* perniagaan yang sekarang dimonopoli pendatang asing;

2. Seterusnya kaola suka mengucapkan tahniah atas usaha Pusat Kesenian Brunei mendidik dan memajukan belia dalam usaha perniagaan kesenian. Apakah perancangan yang lebih komprehensif berdaya komersial mencakupi pasaran domestik dan eksport bagi menambah memajukan hasil kesenian Negara Brunei Darussalam?

Koala ingin cadangkan Pusat Kesenian dijadikan pusat industri kesenian dan memberikan latihan ke arah properniagaan dengan membukakan lebih luas skim inkubator usahawan belia. Sudah masanya kita tidak bergantung pada kerajaan dengan adanya Bank Usahawan yang telah dikurniakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya digalakkan pengusaha dan penuntut-penuntut Pusat Kesenian membuat perancangan yang fokus

perniagaan dan pengeluaran yang banyak (*mass production*).

Kaola berpendapat dengan komitmen generasi muda masa kini saya yakin pelbagai produk-produk keluaran Brunei yang berkualiti tinggi akan dapat menembusi pasaran domestik *regional* dan seterusnya antarabangsa. Dicadangkan juga supaya kita percaya dan yakin kepada bangsa sendiri khususnya belia masa kini;

3. Tajuk SL034 - Jabatan Belia dan Sukan. Apakah perancangan Kementerian untuk mengeluarkan ahli-ahli sukan bertaraf *regional, commonwealth* dan antarabangsa seperti sukan-sukan *golf, tennis* dan sebagainya?

Kaola juga mencadangkan Brunei mencipta industri sukan negara dengan memberikan galakan kepada pihak swasta untuk membina pusat-pusat sukan komersial dengan memberikan kemudahan tapak dengan kerjasama kementerian *as a whole of nations*. Dalam hal ini juga, dalam pusat-pusat sukan percampuran lelaki dan perempuan hendaklah dihindarkan;

4. Tajuk SL01A - Apakah pihak kementerian yakin akan kejayaan belia berpadi? Dianjurkan supaya dibuat lawatan kepada belia berpadi di Kampung Bebuluh dan melihat statistik hasil belia berpadi beberapa tahun ini. Sejauh mana belia-belia

ini dapat bergantung sepenuhnya dengan usaha padi.

Dicadangkan, belia-belia ini sekurang-kurangnya diberikan 5 hektar seorang, sebaiknya 10 hektar dan bantulah belia ini lebih fokus pada berusaha padi dengan membuat pinjaman sekurang-kurangnya \$50,000.00 ke \$100,000.00 kepada Bank Usahawan Brunei dan diharap pihak bank akan segera membukakan pinjaman *business start up* dengan bayaran *gross period* 6 bulan pembayaran sehingga mendapat hasil jualan dan seterusnya bayaran kedua dibuat setelah hasil padi dijual. Potongan bayaran dari jualan sekaligus jika hasil, \$50,000.00 maka dipotong sekali gus kos pengeluaran untuk bayaran 6 bulan.

Bantulah bangsa, jangan berkira kerana ini satu keuntungan kepada bangsa kita. Negara kita wadah bangsa dan membangun ekonomi keluarga. Subsidi hendaklah perlahan-lahan ditarik balik dalam bidang pertanian khususnya penanaman padi sehinggalah kita mampu mengusahakan *variety* baharu yang menghasilkan hingga berganda dengan kos yang sama;

5. SL05A - Pusat Sejarah. Apakah usaha dalam memperkasa dan membuat penyelidikan sejarah Brunei dari masa ke masa yang mungkin masih ada yang belum terungkap? Mungkin masih ada

sejarah kedatangan Islam ke Brunei yang perlu dicari yang belum didapati;

6. SL04A - Jabatan Muzium-Muzium. Apakah langkah-langkah pihak Muzium untuk mengadakan tiket berbayar kepada pelawat-pelawat asing? Kaola kira sudah masanya untuk menerima bayaran pelawat muzium dengan sebab-sebab tertentu seperti muzium dibuka pada hari Jumaat dan Ahad. Ini memerlukan kos bagi pameran-pameran di muzium-muzium:

- i. Sejauh mana kecanggihan Unit Arkeologi Brunei, seperti mempunyai peralatan canggih yang diperlukan untuk mengesan metal di bawah tanah dan dasar sungai bagi mendapatkan sumber sejarah dan khazanah bangsa kita?;
- ii. Sejauh mana usaha membaik pulih bangunan Muzium Negara, kerana bangunan ini mula dibina pada tahun 1968 dan merupakan salah satu bangunan yang terbaik dari segi seni bina di Asia pada ketika itu, Pada tahun 2018 ini bangunan Muzim Brunei menjangkau usia 50 tahun; dan
- iii. Apakah ada perancangan untuk menubuhkan Pusat Pemeliharaan Warisan Budaya (*Heritage Conservations Center*) memandangkan jumlah koleksi bahan budaya sangat besar dan memerlukan bangunan

simpanan perolehan yang khas dan selamat?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari atas soalan-soalan yang diketengahkan. Lebih dahulu, kaola memohon maaf sekiranya soalan-soalan tidak sempat dicatat keseluruhannya. Keberkesanan untuk meningkatkan kebolehpasaran pengeluaran dari Pusat Pembangunan Belia.

Untuk mengongsikan bahawa usaha untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran atau *marketability* belia lepasan dari Pusat Pembangunan Belia. Ini dilaksanakan dengan beberapa program dari Pusat Pembangunan Belia melalui kerjasama dengan rakan-rakan strategiknya termasuk pihak industri seperti:-

1. Melaksanakan 38 memorandum persefahaman dengan syarikat-syarikat dalam memberikan latihan dan kemahiran mengikut keperluan-keperluan industri;
2. Melaksanakan Projek *Quick Start* yang menjemput beberapa syarikat swasta untuk berinteraksi dengan para pelatih Pusat Pembangunan Belia ke arah mempromosikan pelatih-pelatih kepada majikan;

3. Program Mini Kerjaya yang mengumpulkan para majikan dari syarikat-syarikat swasta yang mempunyai kekosongan jawatan untuk ditawarkan kepada lepasan-lepasan Pusat Pembangunan Belia dengan mengadakan temu duga secara terbuka dan sekali gus menawarkan pekerjaan kepada mereka;
4. Pusat Pembangunan Belia juga mendaftarkan lepasan-lepasan pelatih dengan *Job Center Brunei*; dan
5. Program *Job Focussing* yang telah pun mula dilaksanakan pada tahun 2017 dan dalam masa yang sama juga kita ada membuat beberapa inisiatif yang telah pun berjalan bersama dengan Pusat Belia dan beberapa program telah dilaksanakan bersama dengan Pusat Belia untuk menentukan bahawa belia kita diberikan tapak untuk berniaga dan diberikan peluang untuk potensi dan ia berbeza jika dibandingkan dengan Pusat Pembangunan Belia yang lebih kepada pelatih-pelatih dan pusat belia dihasratkan kepada sesiapa saja yang mempunyai potensi yang berhasrat untuk berniaga di gerai Ramadan dan sebagainya.

Ini antara usaha yang telah diusahakan dalam menentukan bahawa mereka diberi peluang untuk membuat apa pun skil yang telah diberikan oleh Pusat Pembangunan Belia.

Mengenai Pusat Kesenian. Sukacita dikongsikan bahawa Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan adalah di bawah Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bukannya di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Saya juga ingin mengongsikan juga soalan mengenai belia berpadi. Seperti mana jua dalam soalan bertulis tempoh hari iaitu kaola telah mengongsikan bagaimana dengan inisiatif projek belia berpadi.

الحَمْدُ لِلَّهِ projek belia berpadi ini inisiatif dan peranan di Pusat Pembangunan Belia untuk menggalakkan dan mencari belia-belia yang berminat dan sekiranya belia yang berminat dan berpotensi kita akan berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan melalui Vokasional Wasan dan Jabatan Pertanian.

Untuk memberikan pengetahuan kepada belia tersebut untuk mengikuti pengajian di Vokasional Wasan ataupun latihan pendek dan juga bantuan daripada Jabatan Pertanian. الحَمْدُ لِلَّهِ dari 15 belia yang memulakan projek ini, 8 belia masih bertahan seperti mana yang dikongsikan bahawa belia berpadi di Kampung Bebuluh masih lagi ada 8 yang bertahan dan hanya dapat penuaian yang pertama pada tahun ini setelah berkecimpung pada tahun 2015 semasa ia bermula.

Kita mendapati bahawa memang ada beberapa permasalahan yang timbul akan tetapi yang pentingnya mereka

telah pun diberikan tanah dan bantuan subsidi bagi tempoh 2 tahun. Kita amat berharap bahawa belia-belia kita akan terus cecal, bukannya senang dan inilah harapan kita. Seperti mana jua dalam mukadimah, kita akan terus menggalakkan belia untuk *outside from the comfort* untuk berpadi, untuk bertani dan sebagainya. Kita merasa bersyukur bahawa Projek Belia Berpadi yang telah pun bermula pada tahun 2015 masih bertahan dengan belia kita, masih lagi 8 orang belia kita yang melaksanakan projek ini;

Bekenaan Industri Sukan Negara. Kita melihat bahawa yang pertama Industri Sukan Negara ini mempunyai kepentingan. Baru-baru ini kita melihat bahawa ia mempunyai *spin off* jua. Baru-baru ini perlawanan golf *ASEAN Development Tournament (ADT)* yang sedang berjalan iaitu *Ladies Championship* yang bermula pada hari ini dan kita melihat bahawa industri sukan ini ia mempunyai *spin off* kepada pelancongan dan lain-lainnya. *Spin off* nya besar dan ia juga menempatkan dalam peta bahawa kita sebuah negara yang mempromosikan Industri Pelancongan Sukan juga.

Kita akan melihat seperti mana yang dikongsikan bahawa kepentingan dalam mukadimah pada hari ini adalah *partnerships*. Kita sering menggunakan perkataan *smart partnerships* ertinya kita hendaklah mempunyai kolaborasi dan kita melihat bahawa ia bukanlah satu tanggungjawab kerajaan sahaja akan tetapi kita hendaklah melihat dengan menggunakan kaedah *smart*

partnerships agar Industri Sukan Negara ini bukan hanya bergantung pada kerajaan akan tetapi menggunakan kaedah *smart partnerships* adalah *approach* menggunakan kaedah *whole of nations* atau pun *partnerships* agar industri sukan ataupun sukan kita akan terus meningkat kerana kita memerlukan kaedah yang berbeza dari masa ke masa.

Barangkali jika ada persoalan yang tidak dapat diketengahkan ataupun jawapan tidak dapat diketengahkan kaola mohon Yang Berhormat Pengerusi untuk menjawabnya pada sesi kemudian.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya juga melihat bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat suka untuk membuat secara sekali gus pertanyaan-pertanyaan yang beranak-anak, barangkali agak panjang.

Jadi, ada baiknya kalau perkara sedemikian itu kita elakkan supaya memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berhadapan dengan kita ini untuk memberikan jawapannya.

Sejak permulaan perbincangan kita mengenai Rang Undang-Undang ini kita telah pun memberikan kesempatan kepada mereka dan mereka dengan rela hati telah mengeluarkan banyak maklumat dan maklumat ini sudah diketahui oleh orang ramai.

Setiap tahun kita berbuat sedemikian ini, ini saya kira satu keadaan yang membayangkan bahawa kerajaan kita sebuah kerajaan yang sangat telus, yang suka untuk memberikan penjelasan secara terbuka dan Ahli-Ahli Yang Berhormat diberikan kesempatan untuk bertanya dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan juga telah pun mempersilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk datang berjumpa dengan mereka, berdialog dengan mereka secara berkala.

Maka saya kira perhubungan kita yang erat itu haruslah kita *maintain* supaya kita dapat bekerjasama dan memberikan sumbangan yang bermakna terhadap perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang telah pun dituntut oleh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Pembukaan Rasmi kita dulu.

Tapi biarlah pertanyaan itu *fair in the sense* diberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan untuk menjawabnya dan tidaklah membuat mereka dalam keadaan yang agak serba salah, kadang-kadang jawapan-jawapan yang diberikan atau pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan terlalu banyak.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memang mengambil perhatian atas komen Yang Berhormat Pengerusi tadi dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** tidak akan menimbulkan perkara yang berulang-ulang.

Antara soalan yang akan peramba/kaola/saya sampaikan ialah di bawah Tajuk SL03A dan Tajuk SL06A. Memandangkan perkara yang sudah disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain mengenai Pusat Pembangunan Belia. Kaola tidak akan menyentuh perkara tersebut.

Seterusnya kaola hanya akan bertanya beberapa perkara sahaja iaitu;

1. Apakah terdapat perancangan pihak Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dalam menawarkan kursus singkat menjurus kepada bidang praktikal, kemahiran yang melibatkan bidang industri kreatif seperti fotografi dan perfileman serta bidang pengurusan projek?; dan
2. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kebajikan dan kesejahteraan golongan Orang-Orang Kelainan Upaya sentiasa mendapat perhatian daripada semua lapisan masyarakat di negara ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2018 telah

pun memperkenalkan bagi pindaan ke atas Akta dan Peraturan Pencen dan Elaun Kurang Upaya dan melalui pindaan ini, Elaun Kurang Upaya juga akan dihulurkan kepada mereka yang berumur di bawah 15 tahun yang layak pada kadar tertentu.

Adalah difahami juga terdapat beberapa buah organisasi bukan kerajaan (*NGO*) yang bergiat aktif dalam memeduli kebajikan dan kesejahteraan golongan Orang-Orang Kelainan Upaya di negara ini. Soalan kaola:

Apakah peranan dan perancangan seterusnya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam membantu organisasi bukan kerajaan agar dapat meneruskan dan meningkatkan usaha sama-sama membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan golongan Orang-Orang Kelainan Upaya? Adakah disarankan agar organisasi-organisasi bukan kerajaan ini dapat dilibatkan secara aktif dan berterusan dalam membentuk menjalankan sebarang strategi yang berkaitan hala tuju dan kesejahteraan golongan Orang-Orang Kelainan Upaya di negara ini. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu. Ada 2 soalan:

1. Soalan mengenai program di Pusat Pembangunan Belia khusus yang dinamakan sebagai kursus-kursus singkat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa Pusat Pembangunan Belia selain daripada kursus yang memang *core* juga mengendalikan kursus-kursus singkat yang lebih menjurus kepada bidang praktikal dan kemahiran.

Khususnya, antara lainnya adalah dalam Industri Kreatif, ia telah pun sudah dilaksanakan seperti Kursus Fotografi dan *Photo Editing*, Kursus Seni Lukis Batik, Kursus Jahitan Tradisional, Kursus Pembuatan Manik dan Kursus Pembuatan Kraftangan.

Ia pernah dilaksanakan dan ini atas dasar *demand* yang telah dipohonkan melalui Pusat Pembangunan Belia. kursus-kursus seperti ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan terus dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan dan pasaran dan untuk makluman juga dikongsikan bahawa kursus-kursus singkat ini ia tidak memerlukan apa jua kelulusan, sebenarnya hanyalah *3M* sahaja membaca, menulis dan mengira.

Inilah yang indahnya bahawa keperluan untuk menghadiri kursus-kursus singkat ini hanya memerlukan kelayakan yang minimum, apa yang penting adalah keperluan pasaran dan adanya kemahuan untuk kursus ini dilaksanakan.

Dikongsikan juga selain kursus-kursus singkat ini kita juga

mengadakan kursus pendek yang memerlukan pasaran sebagai perkongsian bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun pernah mengadakan kursus bersama dengan yang telah pun diambil ataupun diserapkan dalam program pembangunan kapasiti seperti kursus singkat memandu jentera berat dan kursus singkat *scaffolding*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan terus dilihat dan apa yang perlu ditandai sekarang ialah Lembaga Nasihat Pusat Pembangunan Belia untuk meneliti akan pembaharuan terhadap pelaksanaan kursus-kursus baharu yang juga akan menjurus kepada ekonomi pertanian dengan harapan ia akan dapat memberikan pulangan yang lebih cepat pada pelatih-pelatih di Pusat Pembangunan Belia.

2. Mengenai Orang-Orang Kelainan Upaya. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai peranan dan perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan golongan orang-orang kelainan upaya, sememangnya ia diperkukuhkan dengan pelaksanaan Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya 2017/2012, melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial dan Jawatankuasa Khas Isu Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya di bawah Majlis ini.

Pelan Tindakan yang dahulunya ada telah pun diteliti semula, diperbaharui dan diendorse oleh

Majlis Kebangsaan Isu Sosial dan mempunyai visi kesejahteraan Orang Kelainan Upaya dalam kemajuan negara yang inklusif dengan matlamat iaitu ada 4:

- i. Pembangunan Orang kurang Upaya untuk memastikan OKU menikmati hak, peluang dan akses secara saksama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat dan pembangunan negara;
- ii. Kesejahteraan OKU telah memastikan OKU menikmati hak dan peluang akses secara saksama bagi kualiti kesihatan serta perlindungan aspek isu-isu sosial dan kebajikan;
- iii. Kebajikan OKU; dan
- iv. Sistem Sokongan Mesra OKU.

Dikongsikan bahawa penyediaan dan pelaksanaan Pelan Tindakan ini sememangnya melibatkan organisasi-organisasi dan kerajaan khususnya Majlis Kebangsaan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) agar Pelan ini benar-benar beretepatan dan selaras dengan kehendak warga OKU itu sendiri.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita akan membuat perjumpaan kita dan berbincang bersama dengan Majlis Kebangsaan Orang Kelainan Upaya (MKOKU).

Melangkah ke hadapan untuk dilaksanakan bersama dengan kaedah terbaik bagi kita mengoptimumkan

sumber-sumber yang ada bukan sahaja dari segi peruntukan malahan dari segi kemahiran di semua peringkat sama ada kerajaan ataupun bukan kerajaan dan menghindari dari duplikasi.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejaatara. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan dihormati sekalian. Lebih dahulu kaola ingin merakamkan ribuan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kaola ingin menyentuh Tajuk SL05A - Pusat Sejarah. Peruntukan Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 bagi Pusat Sejarah iaitu \$4,030,300.00. Dalam hal ini, kaola melihat Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 Pusat Sejarah iaitu Kod 002/000 - Persejajaran Negara Brunei Darussalam, Kod 002/003 - Pemuliharaan dan Pembinaan Tapak Tempat Warisan dan Sejarah. Anggaran Perbelanjaan yang diluluskan 2017/2018 yang terdapat dalam buku perbelanjaan ini iaitu

\$72,477.00 manakala 2018/2019 yang telah dicadangkan sebanyak \$73,470.00.

Pertanyaan kaola:

1. Adakah dengan peruntukan yang diberikan ini termasuk untuk menaikkan taraf Tapak Lombong Arang Batu di Pekan Muara?; dan
2. Adakah perkembangan infrastruktur purbakala Tapak Lombong Arang Batu di Pekan Muara akan dapat diusahakan sebagai sejarah negara?

Kaola mencadangkan bekas peninggalan Lombong Arang Batu ini dapat dilaksanakan sebagai tempat yang bersejarah secara langsung boleh menjadikan ingatan kepada generasi baharu bahawa sebelum adanya sumber minyak di negara ini negara yang ada mengeluarkan arang batu untuk dieksport ke luar negara.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi untuk menjawab soalan yang telah pun diketengahkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman secara dasarnya bahawa peruntukan peruntukan kewangan yang telah pun diketengahkan tadi tidak terlibat mengenali dengan Projek Tapak Arang Batu.

Walau bagaimanapun, ingin kaola kongsi sahaja sedikit Lombong Arang Batu tadi itu. Ingin kaola sentuhkan sedikit mengenai sumbangan Pusat Sejarah sebelum kaola masuk kepada Lombong Arang Batu ini. Sebenarnya tapak-tapak yang telah pun dilihat, berikan saya sedikit masa sebentar.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya kira ada baiknya mesyuarat kita ini kita tangguhkan selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya ini bersidang semula selepas kita berehat sebentar tadi. Sekarang kita akan meneruskan perbincangan dan meneliti Tajuk-Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk meneruskan penjelasannya terhadap soalan yang telah dikemukakan tadi. Sebelum saya meneruskan untuk menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat seterusnya yang ada dalam senarai saya ini, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas keizinan untuk meneruskan dan memberikan jawapan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman tadi berkenaan dengan Tapak Lombong Arang Batu.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa Jabatan Muzium-Muzium akan mendukung usaha ke arah antara lainnya Kemajuan dan Pelancongan yang dinamis dan tapak bekas Lombong Arang Batu adalah salah satu tapak Arkeologi dan *monument* bersejarah yang telah pun diwartakan di bawah Akta Barang-Barang Perbekalan dan Harta Terpendam 1967 semakan 1984, 1991 dan 2002. Ianya telah pun diwartakan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet pada tahun 2006 dengan keluasan sebanyak 62 ekar ataupun 25.7 hektar.

Seperti mana yang kita sama-sama maklum dan telah pun dikongsi oleh Yang Berhormat tadi bahawa lombong ini telah pun beroperasi sejak akhir kurun Tahun 19 Masihi dan berjalan sehingga penghujung pertengahan abad ke 20 Masihi.

اللَّهُمَّ مَا يَمْشِيُ apa yang telah pun dilaksanakan pada masa ini, ialah kita telah pun membuat sumber kajian dan pembelajaran yang dikongsi dengan para ahli akademik dan penuntut-penuntut sekolah dalam mahupun luar negara. Kita melihat bahawa Tapak

Lombong Arang Batu mempunyai potensi untuk dijadikan tapak pelancongan dan peruntukan telah pun ditetapkan bagi memastikan tapak ini terus dipelihara dan dapat dilaksanakan peranannya sebagai tarikan pelancong.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ secara berterusan Jabatan Muzium-Muzium akan bekerjasama dengan Majlis Perundingan Kampung dari segi pemeliharaan dan pemberigaan secara warisan tapak tersebut. Untuk akhirnya إِنْ شَاءَ اللَّهُ Tapak Lombong Arang Batu ini akan terus kita jaga sebagai satu warisan dan untuk dikongsikan bersama. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Sekarang saya balik kepada senarai saya ini dan saya akan menjemput Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَسْتَغْفِرُكُمْ وَعِزَّةُ اللَّهِ وَتَرْكَانُهُ
Pada pagi ini kaola akan menyentuh Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat berhubung dengan Penerima Bantuan-Bantuan. Pada waktu ini kebanyakan penerima bantuan adalah dari kalangan wanita iaitu ada yang masih bujang, janda, balu dan isteri-isteri dan ada juga isteri-isteri bersedu. Seseengah daripada mereka masih muda, sihat tubuh badan dan bergaya serta mempesona.

Seseengah daripada mereka juga mempunyai suami yang mempunyai

pekerjaan dan ada juga tidak bekerja. Dalam hal ini kaola berpendapat amat bersesuaian dan layak supaya suami-suami mereka yang memohonkan bantuan memandangkan suami bertanggungjawab ke atas ahli keluarganya.

Seterusnya ingin juga mencadangkan supaya kelayakan-kelayakan dan peraturan-peraturan yang ada perlukah ditunduki dan diperketatkan bagi mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan seterusnya memberikan kesedaran untuk mereka berdikari. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis tadi. Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola untuk mendapatkan sedikit maklumat mengenai soalan ini dan izinkan kaola untuk menjawabnya pada sesi yang seterusnya nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita mengambil kesempatan mengucapkan tahniah atas mukadimah

yang dapat memberikan kefahaman yang jelas hala tuju Wawasan Kementerian di bawah kepimpinan Yang Berhormat selaku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita ingin mengongsikan persoalan dalam Tajuk SL10A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan peruntukan sejumlah \$15,539,960.00 sebagai Perbekalan 2018/2019.

Yang Berhormat Pengerusi, mengenai produk warisan tradisional. Produk warisan tradisional yang wujud bersama bangsa Negara Brunei Darussalam merupakan produk warisan tradisi sejak berabad yang lalu.

Produk warisan bangsa Brunei selain mencerminkan budaya hidup bangsa yang berdaya tahan ia juga merupakan sumber pendapatan ekonomi di kampung-kampung umpamanya Kampung Pandai Emas bertukang emas sebagai produk warisan tradisi, Kampung Pandai Besi bertukang besi dan ada juga kampung bertenun kain sementara ada kampung menghasilkan alat bunyi-bunyian seperti gulingtangan dan juga alat bunyian sedaman, ada di Kampung Air memburih perahu dan lain-lain produk warisan bangsa di daerah lainnya sebagai produk tradisi.

Ini merupakan hubung kait budaya hidup dan produk tradisi bangsa Brunei. Produk-produk yang berhubung kait dengan budaya hidup ini, kita harapkan

akan terus wujud dan dapat berkembang maju serta berdaya tahan di kampung-kampung asal wujudnya produk tersebut di seluruh daerah kerana ia juga menjadi suatu tarikan pelancongan di kampung-kampung tersebut.

Adakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya Bahagian Kebudayaan membuat langkah-langkah dan rancangan-rancangan ke hadapan ke arah ini agar produk warisan ini akan terus lebih berkembang dan dimajukan sebagai warisan produk traditional ke arah sumber budaya dan dari segi ekonomi menuju ke arah pasaran sama ada luar dan dalam negeri.

Yang Berhormat Pengerusi sekian sahaja terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga soalan telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Produk Warisan adalah satu ataupun produk tradisi perlu diketengahkan kerana ia akan meningkatkan ataupun memperkasakan kebudayaan dan tradisi kita dan sememang selayaknya juga bahawa produk tradisi ataupun produk warisan ini di diketengahkan.

Untuk mempertengahkan produk tradisi ataupun produk warisan ini bukan sahaja dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ia hendaklah dilaksanakan oleh segenap

masyarakat dan juga pihak-pihak yang berkepentingan dalam kita menengahkan produk-produk tersebut.

Sememangnya perkara ini sedang telah dilaksanakan dan salah satu strategi kita adalah untuk memperkasakan dan ia telah dilaksanakan kalau kita melihat Majlis Perundingan Kampung dan juga dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah pun mempertingkatkan untuk memperkasakan bagi kita menaikkan ataupun mempromosikan produk-produk tersebut.

Kaola mengongsikan bahawa salah satu strategi Dasar Kebudayaan Negara dengan matlamatnya ialah meningkatkan ekonomi budaya bangsa melalui Industri Budaya Kemasyarakatan.

Di sini kita melihat bahawa Galeri Seni sebagai misalnya di Dermaga Diraja dijadikan sebagai tempat berkarya ataupun *creative space* bagi para pengiat seni mempamerkan karya termasuk produk warisan.

Begitu juga promosi kraf tangan Satu Kampung Satu Produk yang mengikuti pameran-pameran dan ekspo-ekspo tempatan serantau dan antarabangsa telah pun diberikan ruang ataupun *venue* bagi para penggiat kraf tangan dan pengusaha-pengusaha bergiat secara aktif dalam bidang ini.

Kita bersyukur dengan adanya "Bandarku Ceria" kerana setiap acara

"Bandarku Ceria" Galeri Seni di Dermaga Diraja akan berubah menjadi "Pasar Seni Budaya" yang diusahakan oleh Majlis Belia Brunei dan pergerakan-pergerakan kesenian yang lain.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan terus kita tanai dalam kita mempromosikan produk warisan dan produk tradisi, akan tetapi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak dapat bergerak dengan sendiri ia memerlukan juga kita bergerak sama dengan kementerian-kementerian yang lain dan juga persatuan-persatuan dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh mengenai Perkhidmatan Orang Bekeperluan Khas Kod 003/000 - Orang Kurang Upaya ini termasuk mereka yang memakai kerusi roda ertinya tidak dapat berjalan dan tangannya tidak dapat digunakan untuk berusaha.

Mereka ini menerima bantuan sebanyak \$250.00 sebulan yang berumur 16 tahun ke atas. Sementara yang 16 tahun ke bawah dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini mendapat \$150 sebulan.

Yang Berhormat Pengerusi, antara mereka ini iaitu kebanyakan yang memakai kerusi roda, ada yang mampu melibatkan diri mereka sebagai usahawan sederhana seperti memelihara ayam dan ada jua sebagai mekanik. Soalan kaola:

1. Adakah disediakan bantuan untuk yang kurang upaya tersebut selain bantuan \$250.00 itu bagi usahanya itu sama ada modal ataupun bantuan seperti membaiki reban ayam dan sebagainya?; dan
2. Kod 002/000 - Perkhidmatan Bantuan Am dan Memperkasa Penerima Bantuan Kebajikan. Seperti kaola melihat banyak penerima bantuan ini terdiri daripada penerima Bantuan Kebajikan setiap tahun semakin bertambah.

Begitu juga peruntukan semakin meningkat sedangkan sebahagian penerima ini berkeadaan sihat dan berumur ada yang 25 tahun ke atas.

Apakah ada langkah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berusaha untuk mengurangkan kebergantungan sepenuhnya pada bantuan kerajaan khususnya JAPEM, bahawa mereka ini sebahagiannya "duduk" yang dikatakan orang "duduk diam dapat wang" agar bantuan tersebut dapat berdiri sendiri sepenuhnya seperti memberi latihan

yang bersesuaian dan membantu dan seterusnya memasarkan hasil-hasil mereka ini, kerana sebahagiannya nampak boleh berusaha sedikit-sedikit tetapi mungkin tidak ada peluang untuk pengalaman dan kemahiran. Mereka ini menerima bantuan \$250.00 sebulan juga.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong atas 2 soalan tadi.

1. Kaola akan menjawab soalan yang kedua dahulu. Seperti mana dalam mukadimah kaola tadi bahawa fokus kita yang kedua bagi Kemasyarakatan dan Kebajikan adalah untuk membantu golongan yang susah. Termasuk juga dalam mukadimah tersebut ialah kita akan melihat kepada penerima-penerima bantuan yang berupaya, sihat dan boleh bekerja.

Kementerian ini melalui inisiatif Majlis Kebangsaan Isu Sosial akan membantu mereka untuk berdikari melalui Program Pengupayaan agar mereka tidak bergantung pada Bantuan Kebajikan bulanan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Program Pengupayaan ini pada masa ini telah pun dilihat, diteliti dan inilah kaedah seterusnya melalui inisiatif Majlis Kebangsaan Isu Sosial untuk mencari kaedah atau membantu mereka untuk berdikari agar mereka tidak bergantung

kepada bantuan kebajikan bulanan kerana kita mahu melihat bahawa bantuan kepada penerima-penerima yang sihat dan boleh bekerja untuk berdikari tidak bergantung pada bantuan-bantuan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan ditanai, melaksanakannya melalui Program Pengupayaan agar mereka tidak bergantung kepada Bantuan Kebajikan bulanan.

2. Mengenai soalan pertama berhubung Orang-Orang Kelainan Upaya. Seperti mana juga dalam mukadimah bahawa kita melihat peluang kesaksamaan bagi Orang-Orang Kelainan Upaya demi memastikan mereka ini diberikan sokongan dan dukungan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Kalau kita melihat jumlah Orang-Orang Kelainan Upaya di Pusat Bahagia mempunyai jumlah yang amat tinggi lebih kurang 400. Jadinya, seperti mana dalam mukadimah kita akan melihat dan membantu golongan ini akan dapat salah satunya untuk berpeluang untuk bekerja ataupun mengusahakan perusahaan sendiri dan sebagainya. Inilah hasrat yang kita akan laksanakan dalam fokus kita seperti mana juga dalam mukadimah.

Statistik peluang-peluang pekerjaan tidaklah begitu memberangsangkan seperti mana juga dalam statistik yang telah kaola kongsi bahawa

56 Orang-Orang Kelainan Upaya ini berkhidmat dalam pekerjaan dan barangkali di sini adanya keperluan untuk pertukaran *mindset* bukan sahaja dari aspek *the employer* tetapi kepada kita telah pun dikongsikan bahawa *the mindset* daripada keluarga sendiri juga untuk memberikan peluang kepada anak-anak berani untuk melepaskan anak-anak ini peluang untuk bekerja dan sebagainya.

Dari aspek keusahawanan memang kita ada memberikan juga kalau kita melihat dalam projek keusahawanan ini kita akan melarutkan juga bukan hanya dikhususkan kepada orang yang bukan kurang upaya tetapi kepada semua masyarakat yang memerlukan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya seperti mana juga fokus kita yang ketiga ialah untuk memberikan peluang kesaksamaan bagi Orang-Orang Kelainan Upaya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Merujuk kepada Tajuk SL01A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

1. Bagaimanakah pihak kementerian melihat masa depan Pusat Pembangunan Belia? Adakah ia akan melalui *rebranding* bagi membantu pelatih-pelatih untuk memenuhi keperluan pasaran ataupun industri? Di samping itu adakah Kursus *City and Guild* yang ditawarkan oleh Pusat Pembangunan Belia telah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pendidikan? Pusat tersebut juga kekurangan Kursus Keusahawanan.

Cadangan kaola ialah untuk memindah Unit Keusahawanan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke Pusat Pembangunan Belia bagi memberi pengalaman pembelajaran yang lebih *holistic* kepada para pelatih.

Di samping itu melalui *rebranding* Pusat Pembangunan Belia ini sebagai *Youth Training Centre*, ia juga dapat menawarkan bukan sahaja untuk pelatih-pelatih *City and Guild* tetapi para belia di bawah pemantauan kementerian.

Sebagai contoh Unit Keusahawanan ini juga dapat menawarkan kursus ataupun latihan bagi atlet-atlet di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya dapat diajar cara untuk mendapatkan tajaan ataupun *creating their own brand* bagi membiayai kerjaya sukan mereka. Alternatif penggunaan yang

lain juga termasuklah kursus pentadbiran bagi Persatuan-Persatuan Belia.

Seterusnya kaola ingin menyentuh tentang Majlis Kesukarelawanan. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pagi tadi ada menyebut dalam mukadimahnyanya tentang kemungkinan untuk mewujudkan satu badan ataupun Majlis Kesukarelawanan.

Kaola ingin mencadangkan salah satu fungsinya iaitu membolehkan sukarelawan untuk merekod waktu aktiviti sukarelawan ataupun *volunteer hours* sebagai salah satu cara untuk menggalakkan aktiviti kesukarelawanan dan membolehkan pihak kementerian untuk melihat *trend* kesukarelawanan bagi membantu dalam perancangan masa akan datang;

2. Seterusnya mengenai isu belia tercicir di bawah Tajuk yang sama. Ada banyak program-program belia yang ditawarkan oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan. Namun penyertaan kebanyakannya tertumpu kepada belia yang berkemampuan sahaja kerana merekalah yang biasanya mempunyai akses ke maklumat dan mampu untuk membayar yuran pendaftaran dan tidak mempunyai masalah pengangkutan bagi mengikuti program-program tersebut.

Adakah pihak kementerian dapat menawarkan akses bantuan seperti

pengangkutan dan juga subsidi ataupun tajaan yuran pendaftaran bagi membolehkan belia yang kurang berkemampuan untuk mengikuti program-program tersebut? Ini termasuklah penyediaan komputer dan *internet* di Pusat Belia bagi kegunaan para belia dan juga peluang untuk mengikuti program-program latihan seperti di *OBBD* dan sebagainya; dan

3. Terakhir sekali Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Merujuk kepada Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda. Dipohonkan agar pihak kementerian untuk menguatkuasakan akta berhubung dengan kanak-kanak dengan memastikan ada pemeriksaan latar belakang dan psikometrik *test* bagi pekerjaan yang melibatkan kanak-kanak. Ini bagi mengelakkan pengambilan pekerja yang terbabit kes penderaan kanak-kanak.

Sebagai contoh kaola mendapati terdapat kes seorang sukarelawan telah mendera kanak-kanak di bawah jagaannya. Terdapat satu kes lagi pemandu bas telah merogol kanak-kanak kelainan upaya sehingga mengandung. Apabila dia disiasat pemandu bas tersebut rupanya mempunyai 2 orang isteri dan ramai anak tetapi tidak mampu untuk membayar nafkah dan juga telah hilang pekerjaan berkali-kali disebabkan pergaduhan dengan majikan.

Inilah perkara-perkara yang dapat disiasat sebelum mengambil pekerja bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dayang Kahairunnisa binti Awang Haji Ash'ari atas soalan-soalan yang telah pun diajukan. Saya dapat memetik 4 soalan yang telah pun diketengahkan iaitu mengenai:

1. PPB dan *rebranding* termasuklah akreditasi *City & Guilds* dan juga *Entrepreneurship* ataupun menggabungkan unit tersebut;
2. Kesukarelawan;
3. Isu belia tercicir; dan
4. Akta Kanak-Kanak dan penguatkuasaan.
 - i. Untuk menjawab, kaola akan menjawab soalan yang terakhir, Yang Berhormat Pengerusi, iaitu Akta Kanak-Kanak dan juga berkenaan dengan penguatkuasaan.

Untuk makluman bersama, bahawa perkara ini telah pun dilihat khususnya dari aspek penjagaan kanak-kanak dan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan telah pun meneliti khususnya dari pihak JAPEM dalam proses antaranya ialah berkenaan dengan penjagaan kanak-kanak ataupun Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan sebagainya.

Dalam proses tersebut, kita melihat kepentingan bahawa Lulusan Penapisan Keselamatan khususnya dalam melihat latar belakang pendidikan atau latihan dalam bidang yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak diberikan keutamaan untuk dimasukkan dalam akta tersebut. Lulusan Penapisan Keselamatan akan turut dimasukkan dalam proses tersebut bagi mendapatkan apa jua khidmat untuk penjagaan kanak-kanak.

Inilah yang telah pun dilihat dijadikan sebagai satu tindakan untuk dimasukkan dalam akta tersebut. Jadi perkara ini telah pun ditunduki dan dilaksanakan untuk memasukkan dalam akta proses pelesenan nanti;

- ii. Berkenaan perkara *rebranding* dan juga akreditasi *City & Guilds*. Seperti mana jua dalam mukadimah Fokus Keempat ialah bagi kita untuk melihat Pusat Pembangunan Belia ataupun strategi utama kita adalah untuk melihat apakah pasaran-pasaran (*market demand*) agar kita dapat mempertingkatkan peranan Pusat Pembangunan Belia dengan keperluan pasaran.

Perkara ini akan kita terus teliti agar kemanfaatan daripada para pelatih akan dapat diguna pakai setelah tamat dari menghadiri kursus-kursus ataupun setelah mendapat *skills* yang dilaksanakan bersama dengan Pusat Pembangunan Belia.

Ke arah tersebut, kita melihat bahawa *in order to be very marketable*, ialah seperti mana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat tadi ialah kita mestilah mempunyai kelayakan ataupun akreditasi yang boleh diberikan oleh Pusat Pembangunan Belia. Yang Berhormat telah pun menyentuh mengenai akreditasi persijilan *City & Guilds* yang telah pun mula digunakan pada tahun 2015.

Perlu kaola kongsiikan di sini, bagi *City & Guilds* ini pihak kerajaan telah pun membuat pelaburan dengan pembayaran melebihi \$10,000.00 setahun bagi mendapatkan pengiktirafan tersebut. Soalannya, adakah ia sudah diakreditasi bersama dengan kementerian-kementerian?

Untuk makluman secara imbas, perkara ini masih lagi dalam proses untuk diluluskan oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan. Abiskaola telah pun dimaklumkan bahawa perkara ini di fasa yang terakhir dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ia akan diselesaikan sesegeranya.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan membolehkan bukan sahaja bagi

pelatih-pelatih *are much more marketable* lagi, akan tetapi ia akan memberikan peluang kepada para pelatih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

- iii. Soalan mengenai Majlis Kesukarelawan dan Pemantauan. Seperti mana juga dalam Fokus Kesukarelawan mempunyai kepentingan dalam fokus kita.

Kita mengharapkan bahawa peranan kesukarelawan ini akan meningkat. Kita hendaklah menyemai semangat kesukarelawan ini. Kitani menyambut baik seperti mana yang telah pun diketengahkan oleh Yang Berhormat tadi, bahawa perlunya pemantauan.

Akan tetapi di sini, kaola melihat bahawa satu pemantauan, akan tetapi yang paling penting ialah bagaimana untuk kita mengaktifkan. Jumlahnya memang besar \$6,000.00 akan tetapi yang paling penting pengaktifan dan sumbangan yang berterusan daripada para sukarelawan.

Jadi dengan adanya pemantauan ini, mungkin ini ialah cara yang terbaik. Kitani akan melihat semangat dan juga sumbangan yang dapat diberikan. Tetapi turut menjadi kepentingan ialah kesiapsiagaan. Kita mahu bahawa para sukarelawan akan berada dan sentiasa bersedia pada masa yang dikehendaki. Sebagai misalan, kita bersyukur bahawa semangat sukarelawan

begitu kuat semasa baru-baru ini kita menghadapi musibah banjir pada bulan Januari lepas bahawa kita dapat mengumpulkan seramai 100 sukarelawan untuk membantu pihak JAPEM dalam membuat *packaging* sahaja, lebih kurang 7,000 *packaging* untuk diagihkan kepada orang-orang yang memerlukan.

Di sini kaola mengongsikan dan menyarankan, *the way forward* ialah bagi kita melihat sinergi antara sukarelawan yang banyak tumbuh, kitani melihat penubuhan persatuan-persatuan dan sebagainya.

Sinergi dan kesepaduan antara sukarelawan ini agar mereka akan dapat memberikan apa yang kita mahu dalam masa yang bertepatan agar impaknya akan lebih kukuh dan kuat. Jadi kita mengambil maklum, seperti mana saranan Yang Berhormat tadi berkenaan pemantauan ini agar ia akan memberikan impak yang lebih baik;

- iv. Mengenai isu belia-belia tercicir. Kitani melihat bahawa isu-isu belia tercicir ini terdiri daripada keluarga yang memerlukan bantuan. Kalau kitani melihat bahawa keluarga-keluarga yang memerlukan bantuan ini, kitani ada elaun bulanan yang juga diberikan bukan sahaja kepada ketua keluarga akan tetapi juga kepada anak-anak yang akan menerima khususnya dari aspek pendidikan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kitani melihat seperti mana yang disarankan, kitani akan melihat lagi *in terms of* bagaimana untuk merangsang khususnya dalam *capacity building*, dalam pendidikan untuk membolehkan anak-anak yang tercicir yang memerlukan bantuan ini dengan diberikan bantuan khususnya seperti tadi kitani melihat berkenaan komputer dan sebagainya. Di pusat-pusat ini untuk menyediakan akan dapat ia menjadi satu *communal* yang boleh diguna pakai, bukan sahaja kepada orang yang tercicir tetapi menjadi satu keperluan bagi tempat-tempat yang kita fikirkan boleh menyumbang kepada pengguna-pengguna.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan kita lihat dan kaola ingin menambah juga bagi belia yang tercicir ini walaupun Jabatan Pembangunan Masyarakat belum ada bantuan khusus, akan tetapi kita melihat kita ada program seperti Bantuan Kebajikan Program Inovasi Belia Berwawasan.

Ia merupakan program khusus kepada anak-anak penerima bantuan dalam membimbing dan melatih belia ataupun anak-anak bagi membangun minda yang melahirkan belia berkemahiran.

Barangkali perlu kaola teruskan bahawa PIBB ataupun Program Inovasi Belia Berwawasan ini mempunyai 3 fasa iaitu fasa pertama ialah:

- i. Penghijrahan Diri dan Minda;
- ii. Latihan Kemahiran Asas Alaf Ke 21; dan
- iii. Penempatan Pekerjaan.

Program-program bantuan ini telah berjaya membantu 16 orang penerima bantuan mendapat pekerjaan, 20 peserta menerima bantuan mengikuti program memperkasa komuniti di Pusat Pembangunan Belia dan 14 peserta menjalankan perniagaan dari rumah dan 15 peserta yang terdiri daripada tanggungan peserta BKB 100 mengikuti Program Inovasi Belia Berwawasan.

Tetapi bagi langkah ke hadapan ialah secara lebih proaktif untuk membantu belia yang bukan dalam keluarga menerima bantuan, kita mengambil baik cadangan Yang Berhormat tadi.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola menyentuh mengenai Tajuk SL01A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Iaitu mengenai sukarelawan.

Walaupun, sudah disentuh oleh Yang Berhormat tadi, saya sukacita untuk memberi cadangan bagaimana untuk menambah, memperkasakan pasukan sukarelawan di Negara Brunei Darussalam ini. Lebih dahulu kaola menyambut baik rancangan-rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Antaranya dalam memperkasakan masyarakat belia proaktif dalam kegiatan sukarelawan. Aktviti sukarelawan anataranya adalah faktor utama yang akan diperkukuhkan kekuatan dalaman negara kita bagi menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, semua rancangan ke arah mempromosi atau pembangunan negara hendaklah juga memfokuskan kepada aktiviti sukarela, bagi membina masyarakat yang berdaya tahan, baik hati dan penyayang. Perkara ini juga berulang kali disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin memberi cadangan untuk memperkasakan sukarelawan ini. Cadangan:

1. Teruskan inisiatif dalam membangun sukarelawan dalam mewujudkan lebih banyak program sukarelawan di peringkat kebangsaan mahupun daerah, terutama sekali yang menjurus kepada meningkatkan jalinan

kerjasama padu antara kumpulan serta badan sukarela yang sedia ada dan hendaklah dilaksanakan secara berterusan agar dapat melahirkan generasi Brunei yang mempunyai hati dan jiwa sukarelawan yang berdaya tahan;

2. Usaha ini juga boleh dihebatkan lagi hingga ke akar umbi dengan menjadikan aktiviti sukarelawan sebagai satu keutamaan kepada belia-belia untuk memasuki institusi pengajian tinggi dan kelebihan untuk mendapatkan pekerjaan di sektor kerajaan mahupun swasta;
3. Mewujudkan sebuah persatuan atau Majlis Sukarelawan Negara Brunei Darussalam yang dikhususkan memberi keterapan kepada individu dan organisasi yang aktif dalam kegiatan sukarelawan yang dinilai berdasarkan kepada aktiviti atau program yang menjadi efek kepada masyarakat, kebaikan kepada rakyat serta menggalakkan orang ramai tanpa mengira usia dan terbabit dalam aktiviti sukarelawan ini;
4. Disarankan juga agar jabatan-jabatan kerajaan dapat menubuhkan Bahagian atau Unit Sukarelawan melalui aktiviti amal yang sedia ada sebagai inisiatif untuk menyemai sikap dan semangat sukarelawan agar terus berkembang dalam kalangan kakitangan awam di Negara Brunei Darussalam.

Sekian Terima Kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung. Kita merasa bersyukur kerana dalam Dewan yang mulia ini semangat ataupun kita banyak diberikan perkongsian mengenai inisiatif-inisiatif ataupun hala tuju bagi kesukarelawan.

Ia menunjukkan bahawa untuk kita meningkatkan lagi aspek kesukarelawan adalah satu kepentingan. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** juga atas cadangan-cadang yang dikeutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung tadi khususnya dalam memperkasakan rancangan kesukarelawan agar ia dijiwai dengan hati dan ia juga akan dapat berdaya tahan dan juga ia melibatkan kepada akar umbi untuk kita melihat mengenai dengan Persatuan Majlis Kesukarelawan dan Unit Kesukarelawan.

Bagi menjawabnya semua soalan ini mempunyai hubung kait antara satu dengan yang lain. Saya tidak akan menjawabnya satu per satu tetapi secara keseluruhan sahaja. Apa yang dapat kita lihat seperti mana juga saya akan kembali kepada fokus Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu fokus ketiga ialah untuk menyemai semangat kesukarelawan.

Ia seperti mana juga yang telah pun dihasratkan oleh Yang Berhormat

Awang Haji Umarali bin Esung tadi dan di sini juga kita akan menggalakkan penubuhan sebuah badan sukarelawan di peringkat kebangsaan sama ada majlis ataupun yang bersesuaian bagi menggerak dan menyelaraskan aktiviti sukarelawan secara kolektif.

Jadinya inilah hala tuju kita dan kita akan menentukan bahawa hala tuju ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Ingin kaola juga mengongsikan bahawa kalau kita lihat seperti mana juga dalam membentangkan Soalan Bertulis bahawa Program Kesukarelawan memfokuskan pada 9 kluster. Ia amat besar dan kita melihat bahawa di peringkat nasional pada 10 Disember 2017, kita telah melihat dalam hari bertindak ataupun *day of action* pada tahun 2017, bahawa sebanyak 24 agensi dengan pelaksanaan 38 projek telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 1,014 sukarelawan. Ini menunjukkan kepada kita bahawa semangat sukarelawan itu amat kuat khususnya kepada belia kita.

Perancangan untuk menubuhkan *pro-team* sukarelawan belia telah pun dibuat berperanan untuk mengkaji semula keberkesanan badan atau majlis kesukarelawan untuk mengongsikan sebagai tambahan dan kita juga melihat bahawa ruang sukarelawan akan diwujudkan di Pusat Belia sebagai pusat operasi bagi memudahkan para sukarelawan untuk berhimpun, bermesyuarah ataupun bermuzakarah.

الْحَمْدُ لِلَّهِ inilah hala tuju kita ke hadapan agar apapun yang telah pun disururakan oleh Yang Berhormat kita akan ambil maklum dan ia adalah selari seperti mana yang dihasratkan oleh Yang Berhormat tadi. Perlu dikongsikan seperti mana juga dalam mukadimah kita baru-baru ini iaitu *alumni* PPB ataupun *alumni* PKBN, kita akan melihat ia sebagai satu nilai tambah kepada sukarelawan-sukarelawan kita.

Kita tidak lupa juga kepada Persatuan Belia Cintakan Tanah Air yang selalu aktif dan kita mahukan, walaupun jumlahnya bekurangan tetapi kita mahukan kepada Persatuan Belia Cintakan Tanah Air yang menjadi satu yang kita lihat sebagai satu pihak-pihak sukarelawan yang boleh banyak membantu dalam kerja-kerja sukarelawan untuk bergiat, menambahkan keanggotaannya.

Tetapi apa yang penting seperti mana jua huraian saya yang pertama tadi dalam menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari ialah jumlah adalah satu kepentingan akan tetapi apa yang leboh penting ia-nya adalah aktif dan ia dapat digerakkan apabila kita menghendakinya.

Untuk kesukarelawan, kita menyambut baik juga seperti mana yang telah pun disarankan berkenaan dengan akar umbi dan juga jangan sahaja kita menumpukan sukarelawan ini hanyalah kepada belia akan tetapi ia hendaklah dalam segenap lapisan masyarakat.

Yang Berhormat, cadangan dan sasaran kita bersyukur kerana ia selari dengan seperti mana jua yang kita hasratkan dan kita juga akan menentukan bahawa jiwa dan hati serta sikap berdaya tahan dalam kesukarelawan ini akan kita bentuk dan kita kukuhkan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah dan penjelasan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan terutama sekali dengan penjelasan mengenai 4K.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan salah satu kementerian yang mempunyai aset-aset berbentuk bangunan dan fasiliti-fasiliti untuk kemudahan orang awam dan berbagai-bagai program di bawah pengendalian pihak kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya seperti Muzium dan Perpustakaan. Aset-aset ini dapat dikembangluaskan penggunaannya untuk menambah pendapatan pihak kementerian.

1. Ada 2 jenis aset yang hendak kaola kemukakan. Seperti mana yang difahami, semua muzium di negara ini tidak dikenakan bayaran untuk masuk terutama sekali kepada pelancong-pelancong luar negeri. Isu ini telah pun dibangkitkan di Dewan yang mulia ini pada tahun lepas oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Kita mengetahui muzium-muzium yang ada di negara kita yang tercinta ini mempunyai keunikan dan kaya dengan khazanah Brunei tetapi untuk pemeliharaan muzium-muzium tersebut ia memerlukan kos yang tinggi. Tahun ini lebih kurang dari \$433 ribu yang disediakan untuk pemeliharaan, pembersihan dan keselamatan bangunan dan kawasan bagi semua muzium. Alangkah indahnya sekiranya semua kos pemeliharaan bangunan datangnya daripada *revenue* yang dikutip di setiap muzium. Sebagai contoh, yang menjadi tarikan pelancong terutama sekali muzium yang paling *popular* iaitu *Royal Regalia Museum*.

Kaola telah dimaklumkan bahawa dianggarkan lebih 100 ribu orang pelancong melawat *Royal Regalia Museum* setiap tahun. Kalaulah sekiranya dapat dicaj mungkin minimum \$5.00, satu tahun *more than half of million* baru dari satu muzium. Ini dapat *cover* kos untuk satu tahun bagi *Royal Regalia Museum*.

Bayangkan hasil dari pendapatan yang boleh menampung berbagai-bagai kegunaan dan perkembangan yang bermanfaat bagi ekonomi negara termasuklah pemeliharaan bangunan dan ia dapat dikembangluaskan penggunaannya untuk menambah pendapatan pihak kementerian.

Adakah cadangan yang telah dibangkitkan sebelum ini dan tahun ini akan dapat dilaksanakan demi mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk pemeliharaan aset muzium-muzium dan mengembangluaskan lagi penggunaan muzium?

Dicadangkan juga muzium-muzium diberikan penjenamaan baharu iaitu *branding* yang baharu supaya ia akan terus unik dan tidak mempamerkan bahan-bahan yang berulang-ulang atau sama dengan muzium-muzium yang lain. Ini adalah untuk mengekalkan variasi kekayaan khazanah bagi pameran yang akan dikunjungi melalui pakej-pakej yang akan ditawarkan itu nanti; dan

2. Aset kedua yang hendak kaola sentuh ialah mengenai penggunaan Dewan Bahasa dan Pustaka serta Perpustakaan di bawah pengendalian dan kawalan pihak kementerian. Kaola ingin mengucapkan tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pihak kementerian atas

usaha dalam pembukaan Pusat Masyarakat Bestari, Mukim Liang. Pusat ini bertujuan menyediakan perkhidmatan perpustakaan bagi masyarakat di Daerah Belait.

Ini satu permulaan yang baik untuk meningkatkan kadar literasi serta amalan membaca dan diharap dapat menyatupadukan masyarakat kampung. Kaola juga berpendapat, perpustakaan seperti ini hendaklah diluaskan lagi di beberapa daerah dan dapat dijadikan supaya lebih bersifat mesra komuniti dengan menyumbangkan kembali kepada masyarakat.

Kaola pernah juga membangkitkan isu ini tahun lepas dengan mengetengahkan tentang potensi bangunan-bangunan perpustakaan untuk disewakan kepada *operator* atau *lease to operator* dengan cara PPP mengikut dasar dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kaola yakin dengan inisiatif ini akan dapat membantu untuk menjana pendapatan yang dapat digunakan untuk pemeliharaan bangunan-bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka yang tidak diguna pakai sepenuhnya (*underutilized*).

Jika dilihat Perbelanjaan Berulang-Ulang yang disediakan tahun ini ada sebanyak \$225 ribu bagi pemeliharaan aset yang memang jika dikira tidak mencukupi untuk pemeliharaan 9 buah bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka yang

dianggarkan dalam \$25 ribu bagi setiap bangunan satu tahun. Walau bagaimanapun, kita bersyukur atas adanya perbelanjaan yang ada disediakan setiap tahun.

Adakah sudah perancangan pihak kementerian untuk meluaskan lagi fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka dalam penglibatan masyarakat serta membukakan kepada sektor swasta serta *NGO's* untuk berkolaborasi dengan pihak kementerian?

Ia juga akan dapat digunakan untuk mempromosikan perpustakaan-perpustakaan yang ada dan juga dapat membekalkan bahan buku bacaan yang terkini serta menguatkan tarikan pengguna untuk berkunjung ke perpustakaan yang sedia ada; dan

3. Bagi soalan yang terakhir memberi cadangan dari isu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu dan juga Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai Pembangunan Belia.

Menyentuh mengenai program-program yang ditawarkan di Pusat Pembangunan Belia, kaola berpendapat bahawa Pusat Pembangunan Belia mempunyai potensi yang tinggi dan luas untuk diperkembangkan dengan lebih maju dalam melahirkan belia yang berkemahiran serta *industry ready*.

Masih nampak kurang penglibatan-penglibatan dari pihak-pihak industri yang berkaitan dan bersesuaian dalam membantu Pusat Pembangunan Belia untuk menaiktarafkan kapasiti *building* bukan sahaja untuk pelatih-pelatih Pusat Pembangunan Belia serta melatih para belia supaya mereka *industry ready*.

Cadangan kaola ialah untuk melibatkan banyak lagi industri dari pihak swasta terutama lagi *industry players* yang berkaitan sebagai Pelatih atau Mentor sebagai *smart partners*, selain penuntut yang mengikuti *attachement* selama 3 bulan di industri.

Saya menyokong Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan penggunaan konsep *smart partnership*. Sekian sahaja dari kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih atas soalan yang telah pun diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kita merasa bersyukur seperti mana jua dalam mukadimah bahawa saranan dan cadangan seperti mana yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Memang ada terkandung dalam mukadimah yang telah pun disampaikan tadi. Komitmen kita untuk memastikan bahawa apa pun yang dirancangan akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Soalan yang pertama, barangkali ada 4 soalan dan sebahagian daripada 4 soalan ini ada mempunyai hubung kait antara satu dengan yang lain. Akan tetapi mengenai pelancong dan kadar bayaran.

Sebelum kaola menjawab kepada soalan tersebut bahawa matlamat kita dalam apa jua aset yang ada di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan:

1. Ia hendaklah di *optimise* secara maksimum;
2. Apa pun aset untuk digunakan dalam satu bumbung segala aktiviti secara bersama; dan
3. Kita adalah untuk meningkatkan lagi hasil kerajaan mengikut peraturan-peraturan kewangan ke atas aset-aset yang kita ada dan kita akan melihat dengan penggunaan PPP dan juga *Directs Part Partnership*.

Itu kaedah-kaedah yang akan kita gunakan dalam menentukan bahawa aset-aset yang kita ada akan di *optimise* dengan sebaik-baiknya.

4. Pembayaran bagi pelancong.
الْحَمْدُ لِلَّهِ soalan ini, soalan yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji

Kamis tadi. Ia mempunyai persamaan. Untuk menjawabnya bahawa inisiatif bagi pelancong luar negeri dikenakan bayaran. Perkara ini sememangnya strategi kita dari sektor kebudayaan untuk meningkatkan hasil kerajaan. Jadinya untuk pelancong dikenakan bayaran, ianya sedang dalam proses dan sedang dalam perbincangan bersama pihak-pihak tertentu untuk menentukan kadar yang berpatutan sebelum dihadapkan untuk mendapatkan kebenaran.

Jadi kita melihat, akan tetapi saya tadi suka dengan tatacara jawapan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat rakan karib saya dari Kementerian Perhubungan bahawa apa pun kita hendaklah melihat ia secara holistik.

Perkara ini sedang ditunduki oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi pelancong-pelancong dikenakan bayaran dan kita melihat kadar dan sedang membuat perbincangan bersama pihak-pihak yang tertentu;

5. Seterusnya berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. *الحمد لله* seperti mana jua dalam mukadimah bahawa kita akan terus melihat projek-projek seperti yang telah pun kita lakukan di Daerah Belait iaitu Bestari di bawah satu bumbung Pusat Masyarakat Bestari di bawah satu bumbung bersama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka akan dilaratkan akan tetapi ia

hendaklah *Initiated also by* masyarakat setempat. *It cannot be one party, it has to be both side* jika adanya keperluan kita akan melihatnya.

6. Kita mahu ia dijalankan oleh masyarakat-masyarakat setempat. Akan tetapi kita akan membantu masyarakat setempat tersebut. Perkara ini akan sentiasa kita kembangluaskan seperti mana jua dalam mukadimah bahawa inilah hasrat kita dalam pemeduliaan kepada warga-warga emas agar mereka akan dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi menjana masyarakat yang berpengetahuan dan seterusnya bagi mereka diberikan peluang untuk menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

Mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka memanglah hasrat kita bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka *has to be very condusive* juga. Agar ia akan dapat menarik minat pengunjung-pengunjung.

الحمد لله kita melihat kaola kongsikan di sini bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka yang kita merasa mendapat lawatan yang tertinggi mengikut jumlah penduduk di Temburong.

Kunjungan ke Dewan Bahasa dan Pustaka mengikut statistik dengan jumlah penduduk di Temburong 10,000 adalah 8,000 dalam satu tahun.

الحمد لله kerana kita tidak boleh membuat persamaan Dewan Bahasa dan Pustaka di setiap daerah kerana *because of the wifi systems* ia menarik minat pelajar-pelajar untuk menggunakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kita akan melihat secara holistik agar matlamat kita bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka dengan cabaran-cabaran globalisasi dengan *e-Library* dan sebagainya. Kita akan melihat bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka akan tetap dikunjungi, digunakan dengan sebaik-baiknya khusus oleh belia dan para penuntut.

Kita hendaklah dengan perkembangan agar ia lebih kondusif dan apa yang penting dengan koleksi-koleksi buku yang *updated* dan sebagainya. Kita akan mengoptimalkan Dewan Bahasa dan Pustaka. Perkara ini akan kita lihat dan akan kita tentukan.

Dalam masa yang sama juga kita melihat untuk melihat jika kita dapat membukakan ruang juga kepada sektor awam untuk mengusahakan Dewan Bahasa dan Pustaka barangkali *café* dan sebagainya agar ia akan dapat menarik minat dan akan memberikan ruang yang lebih kondusif seperti mana yang saya sebutkan tadi *it's all about conducive of Dewan Bahasa dan Pustaka*.

Dalam memperkasakan kolaborasi bersama pihak-pihak yang lain.

Sebenarnya perkara ini ada yang sudah dilaksanakan. Kalau kita melihat koleksi buku ini, kita melihat bahawa daripada kedutaan-kedutaan pihak-pihak yang tertentu telah pun menyumbangkan koleksi buku dan kita akan melihat bersama dengan *stakeholders* yang lain juga.

7. Soalan terakhir mengenai PPB. Kita merasa bersyukur juga bahawa PPB ini dekat kepada hati abis Yang Berhormat. Kita menyambut baik bahawa ia menyentuh kepada belia dan masa depan.

Perkara ini akan terus seperti mana yang dikongsikan bahawa *MOU* telah pun dibentuk bersama 38 rakan untuk menentukan bahawa mereka memberikan ruang kepada pelatih-pelatih kita. Kita akan mengambil maklum *the smart partnership must be smart*.

Kita akan melihat *the partnerships* dengan perkataan *smart* itu agar ia akan memberikan nilai tambah yang lebih tinggi dan memberikan peluang kepada belia kita yang mengikuti program-program latihan di sana. *Industry ready* seperti mana jua mukadimah, *yes* kita melihat ke pasaran agar mereka akan lebih *marketable* dan berpeluang untuk bekerja ataupun membuka perusahaan sendiri akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

إن شاء الله kadar *smart partnership* akan kita laratkan bukan sahaja di

PPB akan tetapi dalam kaedah untuk kita bergerak ke hadapan. Sebagai tambahan sahaja berkenaan dengan *FRS* untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya kita telah pun membuat *FRS* ini.

Sebenarnya sebagai misalan aset sukan termasuklah juga menyewakan ruang di bangunan-bangunan di bawah kawalan Jabatan Muzium-Muzium kepada pihak swasta dan orang ramai seperti ruang untuk cenderamata di Muzium Alat Kebesaran Diraja, Balai Purun dan Rumah Tumpangan Penyelidikan di Taman Warisan Tasek Merimbun.

Kita juga mengenakan bayaran-bayaran bagi perkhidmatan foto salin dan imej-imej gambar dan audio visual digital dalam koleksi Arkib Negara.

Kita juga menjadikannya prasarana, maklumat pelancongan bagi Projek Kolaborasi dengan Jabatan Kemajuan Pelancongan melalui pakej-pakej pelancongan secara tidak langsung yang menyumbang kepada ekonomi seperti pakej pelancongan di Daerah Temburong, Projek Jejak Warisan Brunei Darussalam. Perkara-perkara ini akan terus kita laksanakan.

Saya ingin menambah berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka tadi. Kita juga mesti tidak lupa kepada golongan yang mempunyai keperluan.

Di sini, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka juga bekerjasama dengan Pusat *Smarter* dalam Penubuhan Perpustakaan Mesra *Autism*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan meneruskan seperti mana saranan dan juga dalam mukadimah kita agar perkara-perkara ini akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dengan menggunakan kaedah apa pun aset kita untuk digunakan secara optimum dan apa jua bagi Pusat Pembangunan Belia kita akan menggunakan *Smart Partnerships* dan juga apa pun latihan-latihan dan juga *skills* yang diberikan mengikut pasaran yang lebih *marketable*.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya masih lagi ada 4 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membuat beberapa pertanyaan.

Walau macamapun, saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan dan membahaskan Jadual Kementerian ini.

Saya ingin menangguhkan Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa ini bagi kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini untuk kita berehat tengah hari. **إِن شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada petang ini nanti mulai pukul 2.30 petang. Sekian,
وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)